

**PENDIDIKAN AKHLAK DALAM FILEM BISIK
PADA LANGIT: TEORI PSIKOLOGI
BEHAVIOURISME DARIPADA B.F SKINNER**

FYP FTKW

NUR SHAZLEEN ASHIKIN BINTI KHAIRI

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

2024



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PENDIDIKAN AKHLAK DALAM FILEM BISIK PADA
LANGIT: TEORI PSIKOLOGI BEHAVIOURISME
DARIPADA B.F SKINNER**

**NUR SHAZLEEN ASHIKIN BINTI KHAIRI
(C20A1275)**

**Tesis yang dikemukakan adalah untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

FEBRUARI 2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepadamana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

SULIT

Dari tarikh _____ sehingga _____

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Shazleen

Tandatangan Pelajar

Nur Shazleen Ashikin Binti Khairi

000801-04-0118

Tarikh: **15 FEBRUARI 2024**

Sudirman

Tandatangan Penyelia

Encik Sudirman Bin Kiffli

Tarikh: **15 FEBRUARI 2024**

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah segala puji bagi Allah, pertama sekali saya panjatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurnia-Nya, dapatlah saya menyiapkan laporan penyelidikan bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian elektif kesusasteraan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Saya bersyukur kerana segala masalah yang timbul sepanjang menjalankan penyelidikan ini dapat diatasi dengan sebaiknya. Masalah yang timbul telah menjadikan saya seorang insan yang mengenal erti kesabaran dan kegigihan di mana perlu mengharungi cabaran dan halangan sebelum merasai manisnya sebuah kejayaan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan diucapkan kepada Encik Sudirman Bin Kiffli selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang melaksanakan kajian penyelidikan ini. Pandangan dan cadangan yang diberikan oleh beliau banyak membantu dalam menyiapkan kajian ini. Beliau sentiasa memberi peluang untuk memperbaiki draf kajian berulang kali sehingga memenuhi syarat yang diperlukan dalam kajian ini. Jasa dan bantuan yang diberikan oleh beliau tidak terkira dalam menyemak hasil penulisan yang mana memerlukan ketelitian dan kesabaran bagi memastikan kajian yang dihasilkan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Semoga Allah SWT memberikan kesejahteraan, kelimpahan rahmat dan perlindungan kepada beliau atas segala kebaikan yang diberikan.

Seterusnya tidak dilupakan juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada kedua ibu bapa dan keluarga yang disayangi dan cintai iaitu Encik Khairi Bin Yunus dan Puan Patimah Binti Ramli yang telah memainkan peranan penting dalam membolehkan saya menyiapkan kajian penyelidikan ini dengan jayanya. Sokongan moral, bimbingan dan dorongan serta doa yang tidak putus-putus telah menjadi asbab saya untuk tetap semangat bagi menyiapkan tugas penyelidikan ini. Jasa yang disumbangkan tidak akan saya lupakan terutamanya dari aspek wang ringgit, kesibukan masa dan kepercayaan. Tanpa mereka, saya tidak akan dapat mencapai kejayaan seperti ini. Pengorbanan yang ditunjukkan telah menjadi sumber inspirasi dan motivasi untuk saya lebih bersemangat untuk memperoleh kejayaan yang telah diimpikan oleh mereka di mana melihat kejayaan seorang anak.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan yang sudi berkongsi maklumat dan tidak lokek dalam menyampaikan pendapat dan maklumat sepanjang menjalankan kajian ini.

Sekian Terima Kasih.

Nur Shazleen Ashikin Binti Khairi
Universiti Malaysia Kelantan
13 Februari 2024
3 Syaaban 1445

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI GAMBAR	ix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pemasalahan Kajian	4
1.2 Persoalan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Batasan Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Metodologi Kajian	9
1.7 Organisasi Kajian	12
1.8 Kesimpulan	15
BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.0 Pengenalam	17
2.1 Tinjauan Terhadap Pendidikan Akhlak	17
2.2 Tinjauan Terhadap Kepentingan Filem	22
2.3 Tinjauan Terhadap Teori Psikologi Behaviourisme	27
2.4 Kesimpulan	32

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	33
3.1	Kerangka Teori	33
3.1.1	Kerangka Teori Psikologi	34
3.1.2	Teori Psikologi	35
3.1.3	Sejarah Teori Psikologi Behaviourisme B.F.Skinner	35
3.2	Kaedah Kajian	37
3.2.1	Kajian Kepustakaan	37
3.2.2	Jurnal	37
3.2.3	Analisis Teks	38
3.2.4	Sumber Internet	38
3.3	Kesimpulan	39

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	40
4.1	Konsep Pendidikan Akhlak dalam Filem Bisik Pada Langit	
4.1.1	Menjaga Batas Pergaulan	40
4.1.2	Sopan Santun	42
4.1.3	Kejujuran	44
4.1.4	Kesetiaan	46
4.1.5	Ketaatan Kepada Agama	47
4.1.6	Menghormati Orang Tua	49
4.1.7	Pengorbanan	50
4.1.8	Menjaga Kehormatan Diri	53
4.2	Teori Psikologi Behaviourisme Menurut B.F. Skinner	
4.2.1	Pelaziman Operan	54
	a) Peneguhan Positif	
	b) Peneguhan Negatif	
4.2.2	Membentuk Tingkah Laku Operan (<i>Shaping Operant Behaviour</i>)	57

4.2.3 Persekitaran Mengawal	58
4.2.4 Emosi	61
4.2.5 Hukuman	63
4.3 Fungsi Filem	
4.3.1 Filem Berfungsi Dalam Menyampaikan Maklumat	65
4.3.2 Filem Cerminan Budaya	68
4.3.3 Watak dalam filem sebagai ‘role model’	71
4.4 Kesimpulan	74
BAB 5 KESIMPULAN	
5.0 Pengenalan	75
5.1 Kesimpulan Kajian	76
5.2 Cadangan	78
5.3 Penutup	80
RUJUKAN	81

Pendidikan Akhlak Dalam Filem Bisik Pada Langit: Teori Psikologi Behaviourisme daripada B.F Skinner

ABSTRAK

Pendidikan akhlak adalah satu pendekatan pendidikan yang menitikberatkan pembangunan sahsiah, akhlak dan etika seseorang. Matlamat utama pendidikan akhlak adalah untuk membentuk individu agar mempunyai akhlak yang baik, mempunyai kesedaran moral yang tinggi, dan bertanggungjawab dalam tingkah laku dan pergaulan sosial. Pembelajaran melalui filem atau drama telah menyebabkan akhlak dalam diri masyarakat terutamanya golongan remaja pada masa ini telah semakin berkurang kerana terpengaruh dengan perkara yang dilihat serta merasakan bahawa perkara itu baik padahal ianya tidak boleh dilakukan. Selain itu, masyarakat lebih gemar menonton filem antarabangsa yang memaparkan perkara yang dapat meruntuhkan akhlak serta gambaran yang tidak baik kepada penonton terutamanya yang berusia bawah daripada 18 tahun. Justeru itu, kajian ini dibuat terhadap sebuah filem yang dipilih iaitu filem *bisik pada langit* di mana akan mengenal pasti konsep pendidikan akhlak yang terdapat di dalam filem tersebut. Seterusnya, kajian ini akan menganalisis proses penentuan akhlak dengan menggunakan teori psikologi behaviourisme daripada B.F. Skinner serta mengaplikasikan fungsi filem dalam memberikan pengajaran, didikan dan contoh teladan kepada masyarakat. Data yang dikumpul melalui kajian akan dianalisis menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan, analisis teks, analisis jurnal dan sumber internet. Dapatan kajian mendapati bahawa dalam filem *bisik pada langit* terdapat beberapa ciri-ciri pendidikan akhlak yang baik seperti menjaga batas pergaulan, sopan santun, kesetiaan, pengorbanan dan sebagainya yang boleh untuk dilihat dan ditonton oleh masyarakat sebagai pembelajaran. Oleh itu, dengan adanya kajian ini diharapkan agar filem yang memaparkan akhlak yang baik ini terus diperbanyakkan dan diperluaskan agar mampu untuk memberikan pembelajaran yang baik kepada masyarakat khususnya golongan remaja agar mereka dapat tumbuh menjadi individu yang bertanggungjawab, jujur, setia dan amanah dalam melakukan sesuatu perkara.

Kata Kunci: filem, pendidikan akhlak, teori psikologi behaviourisme

Moral Education in the movie "Bisik Pada Langit": The Psychological Theory of Behaviorism by B.F. Skinner

ABSTRACT

Moral education is an educational approach that focuses on a person's moral, moral and ethical development. The main goal of moral education is to form individuals to have good morals, have a high moral awareness, and be responsible in their behavior and social interactions. Learning through film or drama has caused the morality in society, especially among teenagers, to become less and less influenced by what is seen and feel that it is good when it is not possible to do it. In addition, the public is more inclined to watch international films that show things that can ruin morality as well as a bad image to the audience, especially those under the age of 18. In addition, this study is based on a selected film, a film that will identify the concept of moral education contained in the film. Next, this study will analyze the process of moral determination using the behavioral psychology theory of B.F. Skinner also applied the function of film in teaching, educating and example to society. Data collected through the study will be analyzed using qualitative methods involving library methods, text analysis, journal analysis and internet resources. The results of the study found that in the film of the Bisik Pada Langit there are some characteristics of good moral education such as keeping boundaries, decency, loyalty, sacrifice and so on that can be seen and watched by society as learning. Therefore, with this study, it is hoped that this film showing good morals will continue to be multiplied and expanded in order to be able to give good learning to the society especially the youth so that they can grow into responsible, honest, loyal and trustworthy individuals in doing something.

Keywords: *film Bisik Pada Langit, moral education, psychological theory, behaviorism*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

		HALAMAN
Rajah 1	Kerangka Teori Psikologi, Teori Behaviourisme oleh B.F Skinner	12
Rajah 2	Kerangka Teori Psikologi, Teori Behaviourisme oleh B.F Skinner	34

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI GAMBAR

		HALAMAN
Gambar 1	Tangkap Layar Filem Bisik Pada Langit yang memperlihatkan menjaga batas pergaulan.	41
Gambar 2	Tangkap Layar Filem Bisik Pada Langit yang memperlihatkan pendidikan akhlak sopan santun	44
Gambar 3	Tangkap Layar Filem Bisik Pada Langit yang memperlihatkan kesetiaan.	47
Gambar 4	Tangkap Layar Filem Bisik Pada Langit yang memperlihatkan ketaatan kepada agama.	48
Gambar 5	Tangkap Layar Filem Bisik Pada Langit yang memperlihatkan menghormati orang tua	50
Gambar 6	Tangkap Layar Filem Bisik Pada Langit yang memperlihatkan menjaga kehormatan diri.	53
Gambar 7	Tangkap Layar Filem Bisik Pada Langit yang memperlihatkan pendekatan emosi oleh watak Zaidi.	62
Gambar 8	Tangkap Layar Filem Bisik Pada Langit yang memperlihatkan hukuman yang diberikan oleh Wak Rosli kepada Iqram.	65

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Filem adalah media yang terkenal di negara ini dan sudah wujud sejak lama. Pada awalnya industri filem tidak berkembang menjadi industri yang besar. Namun, industri filem Melayu mulai berkembang pada tahun 1960-an. Hal ini disebabkan, sejarah pembuatan filem diawali dengan ditemukannya konsep gambar bergerak yang dipelopori oleh juru gambar Inggris Edward Muybridge. Di Malaysia, filem import dari Hollywood, Hong Kong, India, dan negara lain menjadi buktinya. Ketika membahas definisi filem, ia memiliki dimensi yang menentukan dan cakupan kontekstual yang luas. Banyak konsep tentang filem telah diberikan, kerana filem adalah alat kreatif yang melibatkan idea dan pemikiran, analisis, kritik, fungsi, tujuan, dan berbagai keterampilan dan keahlian.

Dalam definisi yang diberikan, filem difahami sebagai imej yang dihasilkan dalam bentuk visual bergerak yang mengandungi unsur-unsur penceritaan bertulis, diolah dalam bentuk dialog, penglihatan dan bunyi, kemudian dirakam menggunakan kamera, diproses menggunakan pelbagai minat dan objektif untuk dipamerkan dalam bentuk tayangan filem di pawagam dan drama di televisyen.

Menurut Naim Haji Ahmad, 2010 menyatakan filem juga boleh diertikan sebagai hasil pelbagai seni yang menunjukkan cerita dan cermin budaya masyarakat tertentu; fikiran dan perasaan yang membuatnya; cerita tentang kehidupan, tidak terhad kepada manusia, sama ada cerita itu benar,

rekaan atau diubah suai ataupun cerita yang disesuaikan; satu kesatuan bingkai digabungkan secara harmoni menjadi gambar, gambar menjadi urutan, urutan menjadi babak, dan adegan menjadi teks atau cerita.

Filem juga adalah sumber hiburan yang paling mudah ditemukan, dicari dan difahami. Hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai platform aplikasi boleh digunakan untuk mencari filem yang ingin ditonton seperti Youtube, Netflix, Disney Hotstar, VIU dan sebagainya. Hal ini menyebabkan filem memiliki pengaruh yang kuat terhadap tindak tanduk penontonnya terutama golongan remaja, kanak-kanak dan tidak terkecuali orang dewasa. Filem mempunyai unsur-unsur yang dapat mempengaruhi psikologi dan emosi masyarakat. Hal ini kerana apabila menonton filem kita akan memberi sepenuh tumpuan kerana kesan penjiwaan adalah di antara seni yang unik yang kita pelajari melalui perhatian, gerakan dan halusinasi yang dipaparkan. Namun, itu juga tergantung pada bagaimana filem itu sendiri disampaikan.

Filem harus menjadi antara media yang mampu membawa masyarakat mengenai hal-hal tertentu yang mana merangkumi ruang lingkup masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana filem merupakan cerminan dari pemikiran manusia atau keadaan fikiran manusia. Filem dapat dilihat dari dua sudut pandang iaitu kewujudan dan sifatnya. Filem merupakan media yang banyak digunakan dan memiliki pengaruh serta peminatnya yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, filem harus digunakan sebagai bahan penelitian.

Melalui definisi yang diberikan dapat dilihat bahawa filem adalah produk teknologi, produk budaya rangkaian dan produk seni media baharu

menurut Ismail Abdullah, 2009. Secara umumnya, filem mempunyai tiga fungsi utama iaitu memberi maklumat, mempengaruhi dan menghiburkan mereka yang menonton serta mengisi segala kekosongan waktu dan menonton filem merupakan antara aktiviti yang mampu merapatkan hubungan kekeluargaan kerana dapat ditonton bersama-sama.

Melalui pendekatan psikologi, penyelidik mengambil peluang untuk mengkaji bagaimana filem akan menyampaikan dan memberikan kesan psikologi watak kepada penonton melalui struktur naratif, mesej yang disampaikan, bunyi dan muzik, serta gaya visual yang diterapkan dalam filem.

Oleh itu, jelaslah bahawa filem merupakan antara media yang mampu mempengaruhi psikologi manusia serta mendidik akhlak masyarakat. Hal ini kerana, filem merupakan media yang boleh memberikan maklumat selain daripada maklumat di peroleh semasa di sekolah dan universiti. Oleh itu, filem yang menggambarkan perkara yang baik dan berilmu perlulah diperbanyakkan agar minda masyarakat lebih terbuka dan tidak sempit dengan perkara negatif yang tidak elok untuk ditonton seperti menunjukkan aksi-aksi yang melampaui batas yang diajar oleh agama.

Melalui tajuk kajian pendidikan akhlak dalam filem bisik pada langit kita akan mengkaji sama ada jalan cerita yang dipaparkan mampu memberikan pengajaran dan contoh teladan kepada masyarakat, fungsi filem dalam mempengaruhi psikologi masyarakat yang menonton dan mengenal pasti konsep didikan akhlak yang terdapat di dalam filem ini.

1.1 Pemasalahan Kajian

Pada zaman globalisasi ini dapat dilihat di mana nilai akhlak keagamaan dalam diri masyarakat terutamanya golongan remaja semakin berkurang. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan remaja tidak dapat membezakan antara perkara realiti dan lakonan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka mudah terpengaruh dengan lakonan yang dilihat sehingga membawa kepada realiti kehidupan. Sebagai contoh kisah percintaan yang berada di dalam lakonan filem dan televisyen di bawa ke realiti hidup mereka. Hal ini akan memberi pengajaran dan pembelajaran yang tidak betul sehingga masalah seperti kes rogol, penzinaan, khalwat, pembuangan bayi, mencuri dan sebagainya akan meningkat. Hal ini berlaku disebabkan kurang mengambil berat mengenai kepentingan agama dalam hidup sehingga diri mudah terpesong dan tidak dapat membezakan perkara yang baik dan buruk serta mengikuti sahaja perkara yang mereka tonton dan lihat di dalam drama mahupun filem tanpa memikirkan kesan yang akan ditanggung.

Selain itu, golongan remaja lebih gemar menonton filem dan drama antarabangsa berbanding filem tempatan. Hal ini mengakibatkan golongan remaja mudah mengikuti budaya barat yang mana memberi gambaran yang tidak baik untuk ditonton oleh golongan muda. Sebagai contoh di dalam filem Korea mahupun filem Hollywood mereka tidak menapis dahulu sebelum menayangkan atau mempersembahkan filem mereka. Oleh hal yang demikian aksi-aksi seperti ciuman, maksiat dan berpelukan yang tidak boleh ditonjolkan akan dapat dilihat pada filem antarabangsa sehingga mereka yang menonton ingin melakukan perkara yang sama. Kesannya, dapat meruntuhkan akhlak agama mereka dan berasa seronok untuk menonton perkara yang tidak baik.

Oleh itu, setiap filem atau drama yang ingin ditayangkan perlulah ditapis dahulu sebelum dipersembahkan kepada penonton.

Akhir sekali, filem dan drama yang memberikan pengajaran dan didikan tidak banyak dihasilkan. Hal ini kerana pengarah merasakan mereka akan mengalami kerugian disebabkan tidak mendapat permintaan daripada penonton. Hal ini disebabkan kerana permintaan masyarakat lebih banyak kepada filem-filem kisah mengenai percintaan. Oleh hal yang demikian, pengarah akan menghasilkan tema filem atau drama yang akan mendapat sambutan daripada masyarakat. merupakan tema filem yang sering dipilih oleh pengarah untuk menghasilkan filem atau drama mereka. Oleh itu jelaslah bahawa filem merupakan perkara yang menjadi contoh dan teladan kepada masyarakat terutamanya golongan remaja.

1.2 Persoalan Kajian

Persoalan kajian merupakan perkara yang menjadi pertanyaan dan fokus dalam melaksanakan sesebuah kajian. Oleh itu, persoalan kajian yang terdapat di dalam kajian ini ialah:

- 1.2.1 Apakah konsep pendidikan akhlak dalam filem bisik pada langit.
- 1.2.2 Bagaimana menganalisis proses penentuan akhlak dengan menggunakan Teori Psikologi.
- 1.2.3 Bagaimanakah mengaplikasikan fungsi filem dalam memberikan pengajaran, didikan dan contoh teladan kepada masyarakat.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan perkara yang penting untuk melakukan sesebuah kajian yang lengkap. Tujuan objektif kajian ini ialah untuk mengetahui tujuan dan menentukan objektif yang perlu dicapai di dalam kajian. Oleh itu, objektif kajian yang akan dikaji di dalam laporan ini ialah :

- 1.3.1 Mengenal pasti konsep pendidikan akhlak dalam filem bisik pada langit.
- 1.3.2 Menganalisis proses penentuan akhlak dengan menggunakan Teori Psikologi.
- 1.3.3 Mengaplikasikan fungsi filem dalam memberikan pengajaran, didikan dan contoh teladan kepada masyarakat.

1.4 Batasan Kajian

Secara keseluruhannya kajian ini telah memilih filem Bisik Pada Langit untuk dikaji dan dianalisis. Filem ini merupakan filem daripada idea dan cerita asal oleh Saniboey Mohd Ismail yang merupakan bekas wartawan hiburan lalu skripnya ditulis oleh Sofia J. Rhyland dan Maizura Ederis serta diarah oleh Kabir Bhatia.

Sofia J.Rhyland atau nama sebenarnya Sofia Aliza Binti Mohd Isa merupakan seorang penulis skrip prolific di Malaysia. Beliau aktif menulis skrip drama dan filem bermula pada tahun 1995 sehingga kini yang mana telah menghasilkan lebih daripada 200 skrip. Antara skrip drama yang dihasilkan adalah dalam drama Leftenan Zana (2019), Pia (2019), Sara Sajeeda (2019), Syurga Nur (2013) , Pinky Promise (2020) dan banyak lagi manakala skrip filem yang dihasilkan pula adalah pada filem penanggal (2013), Awan Dania The Movie (2013), Bisik Pada Langit (2017) dan sumpahan Jerunei (2023).

Beliau juga telah mula mengorak langkah untuk menjadi seorang 'businesswoman' dengan menceburi bidang perniagaan menjual kek bulan yang diberi nama 'Mooncake Laluna Bysofia'.

Filem Bisik Pada Langit yang dihasilkan pada 2017 ini bukanlah filem bercorak keislaman kerana merupakan filem yang jalan cerita menggambarkan mengenai kekuatan hubungan dalam kekeluargaan, kehidupan sesebuah masyarakat, kasih sayang, persahabatan dan cinta yang mana tidak dapat kita fikirkan kerana melibatkan permainan emosi. Namun filem ini mempunyai keistimewaan di mana mampu memberikan pendidikan akhlak yang baik di dalam hubungan kekeluargaan dan persahabatan.

Fokus kajian dilihat kepada aspek-aspek yang terdapat di dalam filem yang meliputi aspek watak perwatakan, jalan penceritaan, latar tempat dan penonton. Melalui aspek ini skop kajian akan tertumpu kepada bahasa yang digunakan, lokasi filem, cara pemakaian yang digunakan oleh setiap watak, pengajaran dan teladan dalam filem. Aspek-aspek ini dipilih kerana di dalam sesebuah filem aspek ini merupakan perkara yang sering digunakan dan didapati dalam setiap filem mahupun drama yang dihasilkan.

Skop kajian akan dikaji dan dianalisis dengan melihat sama ada filem bisik pada langit mampu memberikan kesan dalam mewujudkan rasa dalam mendidik akhlak masyarakat terutamanya golongan remaja. Skop tertumpu kepada golongan remaja kerana mereka suka menonton filem antarabangsa seperti Korea dan Hindustan berbanding filem tempatan yang memberikan pengajaran dan didikan akhlak yang baik. Filem merupakan antara media yang dicari untuk mengisi masa lapang, sebagai alat hiburan dan tempat meluangkan masa. Skop kajian juga tertumpu kepada nilai-nilai keagamaan

yang terdapat dalam filem bisik pada langit kerana isu berkaitan amalan keagamaan yang dianuti tidak diamalkan dalam hidup.

1.5 **Kepentingan Kajian**

Kajian dilakukan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat masyarakat terutamanya golongan muda daripada terus terjerumus ke lembah kemaksiatan dan terpesong daripada agama yang dianuti. Filem yang memaparkan pengajaran dan cerita yang baik diperlukan agar dapat memberi iktibar dan mengelakkan lebih ramai golongan muda terjebak dengan perkara yang mendatangkan keburukan. Hal ini kerana sekiranya ramai golongan muda terjebak dengan perkara yang tidak baik mengakibatkan negara dipandang rendah dan sukar untuk maju disebabkan peningkatan kes-kes jenayah seksual. Sekiranya ia berlaku generasi seterusnya akan menjadi lebih teruk kerana didikan akhlak dalam diri semakin berkurang kerana mudah terdedah kepada perkara yang tidak baik. Oleh itu kajian ini penting untuk melindungi diri dan generasi seterusnya daripada menyaksikan filem yang mana memberikan gambaran yang tidak baik dan tiada nilai pengajaran yang diperoleh sekiranya menonton sesebuah filem.

Selain itu, pengaruh filem terhadap psikologi dan tingkah laku masyarakat daripada filem yang ditonton. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia mudah mengikut dan menerima apa yang dilihat dan ditonton di banding perkara yang disampaikan di dalam buku yang memerlukan usaha dengan membaca serta mencari kesahihan dan kebenaran yang sebenarnya. Hal ini akan mengakibatkan segala perkara yang dilihat akan diikuti serta menjadi ikutan kepada golongan penonton kerana merasakan perkara tersebut

seronok untuk dilakukan seperti bercinta sebelum berkahwin, tidak memakai pakaian yang mengikut tuntutan agama, melakukan keganasan kepada golongan wanita serta melakukan perkara yang telah dicegah oleh agama. Oleh itu, kajian ini perlu untuk dilakukan agar lebih banyak filem yang mampu memberikan pendidikan akhlak dalam diri penonton dilakukan dengan lebih banyak kerana filem mampu memberi pengaruh kepada psikologi dan tingkah laku masyarakatnya sekiranya filem menggambarkan perkara yang baik mesti masyarakat juga mampu menjadi baik seperti apa yang ditonton.

1.6 Metodologi Kajian

1.6.1 Kaedah Kajian

Metodologi merupakan perkara yang sangat penting dalam sesebuah kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana metodologi menentukan cara dan kaedah sesuatu kajian dilakukan. Oleh itu sekiranya kaedah yang digunakan tidak sesuai akan menyebabkan objektif kajian yang ingin dianalisis dan dikaji tidak akan tercapai. Bagi kajian ini kaedah kualitatif deskriptif digunakan. Kaedah kualitatif deskriptif adalah seperti berikut:

a) Kajian Kepustakaan

Merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan bukti dan maklumat mengenai kajian. Kaedah ini boleh diguna pakai bagi memperoleh data dengan tepat dan digunakan dalam sesuatu rujukan kajian ilmiah. Kaedah ini merupakan salah satu cara untuk mendapatkan maklumat yang relevan bagi kajian ini. Maklumat diperoleh daripada bacaan bahan-bahan ilmiah yang terdapat di dalam

sesebuah gedung perpustakaan yang mana terdapat buku-buku mengenai kajian pendidikan akhlak.

b) Jurnal

Merupakan kaedah di mana memetik jurnal penyelidikan lepas sebagai sumber saintifik adalah keutamaan yang utama bagi sesebuah kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana, jurnal merupakan tempat yang sesuai untuk dirujuk di dalam sesebuah kajian ini. Oleh hal yang demikian jurnal merupakan medium yang boleh digunakan untuk menambahkan idea dalam penulisan penyelidikan. Pengkaji perlu bijak untuk memilih jurnal-jurnal yang bersesuaian dengan kajian yang dilakukan.

c) Analisis Teks


Kajian teks yang dilakukan oleh pengkaji adalah berdasarkan filem Bisik Pada Langit (2017). Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji akan meneliti setiap dialog, perwatakan dan jalan cerita yang terdapat di dalam filem Bisik Pada Langit. Filem ini dipilih oleh pengkaji kerana terdapat pelbagai aspek pendidikan akhlak yang boleh diambil sebagai pengajaran dan contoh teladan kepada masyarakat. Filem ini juga mampu memberi pengaruh terhadap psikologi manusia kerana mampu memahami perasaan watak yang dibawa. Pengkaji akan mengeluarkan maklumat berkaitan pendidikan akhlak yang mampu dijadikan pengajaran dan contoh teladan untuk dijadikan analisis bagi memenuhi objektif kajian.

d) Sumber Internet

Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan penambahan idea tambahan yang mana tidak terdapat di jurnal dan sumber perpustakaan. Kaedah ini adalah kaedah yang paling mudah dan pantas bagi mendapatkan maklumat atau info tambahan berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana di dalam internet terdapat pelbagai pelbagai akses yang boleh digunakan seperti google scholar, akhbar online, jurnal online dan sebagainya yang boleh digunakan dalam kajian yang dilakukan.

Kaedah kualitatif deskriptif merupakan kaedah mengumpul data dalam bentuk perkataan atau teks yang mana maklumat didapati daripada buku, jurnal, novel, artikel, akhbar dan sebagainya yang boleh di dapati daripada sumber pembacaan perpustakaan dan sumber internet. Dalam kaedah kualitatif pengkaji lebih menumpukan kepada kualiti kajian yang mana maklumat akan diperolehi daripada sumber yang boleh dipercayai dan tepat kerana penerokaan dibuat berdasarkan sikap, tingkah laku, kepercayaan dan interaksi antara individu. Sebagai contoh, kaedah kualitatif di buat dengan menggunakan media internet untuk mencari maklumat seperti mencari di aplikasi google scholar, jurnal online universiti yang boleh diakses dan sebagainya.

1.6.2 Kerangka Teori



Rajah 1: Kerangka Teori Psikologi, Teori Behaviourisme oleh B.F Skinner

1.7 Organisasi Kajian

Bab 1 di dalam kajian ini mengandungi pengenalan bagi kajian ini yang mempunyai maksud filem, kepentingan filem di mana filem merupakan sebuah medium hiburan dan sumber mendapatkan maklumat serta pengaruh filem terhadap tingkah laku masyarakat. Selain itu, mempunyai permasalahan kajian yang dapat dilihat di mana akhlak masyarakat semakin berkurang kerana lebih memilih menonton filem antarabangsa seperti filem Korea dan filem Hollywood yang mana mempunyai keseronokan dan memaparkan aksi-aksi yang tiada batasan dan melalaikan, mengandungi permasalahan mengenai nilai akhlak keagamaan dalam diri golongan remaja yang semakin berkurang

dan membimbangkan. Hal ini kerana, mereka tidak dapat membezakan lakonan dan realiti yang mana merasakan sesuatu benda itu benar tetapi perkara tersebut sebenarnya hanya lakonan semata-mata dan tidak boleh dilakukan kerana merupakan perkara yang larang dilakukan dalam agama serta mengandungi permasalahan sebab dan masalah di mana filem yang memaparkan dan menunjukkan didikan akhlak yang baik tidak menjadi pilihan untuk dihasilkan. Seterusnya, mengandungi objektif kajian di mana terdiri daripada tiga yang pertama ialah mengenalpasti konsep pendidikan akhlak dalam filem bisik pada langit, yang kedua ialah mengenalpasti fungsi filem dalam memberikan pengajaran, didikan dan contoh teladan kepada masyarakat dan yang terakhir ialah menganalisis proses penentuan akhlak dengan menggunakan teori psikologi. Di samping itu, skop dan batasan kajian mengandungi latar belakang penulis filem bisik pada langit, sinopsis filem, tahun ditayangkan, tema penceritaan dan aspek-aspek yang dilihat di dalam filem. Selanjutnya, kepentingan filem dalam memberikan kesedaran dan mendidik akhlak masyarakat, pengaruh filem terhadap psikologi dan tingkah laku masyarakat terhadap filem yang ditonton dan kepentingan akhlak dalam kehidupan. Metodologi kajian pula mengandungi cara dan kaedah kajian dilaksanakan iaitu dengan menggunakan kajian deskriptif yang mana boleh didapati daripada jurnal, artikel, akhbar, buku dan sebagainya yang boleh didapati daripada sumber internet seperti google scholar dan sumber perpustakaan. Akhir sekali organisasi kajian sebagai rangkuman ringkas kepada semua bab kajian iaitu dari bab 1 hingga 5.

Bab 2 di dalam kajian ini mengandungi rangkuman mengenai sorotan kajian lepas yang telah dikaji oleh penulis sebelumnya. Kajian-kajian yang

dilakukan oleh penulis sebelum ini akan menjadi rujukan kepada pengkaji bagi kajian yang dilakukan. Bagi kajian ini tiga aspek di ambil kira iaitu berkaitan pendidikan akhlak, filem bisik pada langit dan Teori Psikologi yang akan diberi penekanan bagi kajian ini. Oleh itu, kesemua kajian ini akan menggunakan sorotan kajian lepas untuk dijadikan rujukan dalam penulisan kajian ini agar dapat mengurangkan kesilapan dalam menyampaikan fakta yang seharusnya.

Bab 3 di dalam kajian ini mengandungi kajian berkaitan teori dan pengkaedahan yang digunakan dalam kajian dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana bagi memastikan kajian yang dijalankan tidak tersasar daripada konteks psikologi yang telah diterapkan di mana menggunakan Teori Psikologi melibatkan Behaviourisme daripada B.F.Skinner yang merupakan seorang tokoh dalam bidang mengkaji sifat dan tingkah laku mengenai manusia dan haiwan. Oleh itu kajian daripada B.F Skinner akan menjadi rujukan kerana beliau merupakan seorang tokoh ilmuwan yang amat disegani dan hebat dalam bidangnya.

Bab 4 di dalam kajian ini mengandungi analisis dan dapatan kajian yang memiliki segala aspek berkaitan dapatan kajian yang telah dikaji dan diteliti. Hal ini merangkumi segala analisis berkaitan dengan Filem Bisik Pada Langit penulisan skrip daripada Sofia J. Rhyland dengan mengumpul data mengenai pendidikan akhlak yang terdapat di dalam filem tersebut dan menggunakan teori psikologi melibatkan Behaviourisme daripada B.F.Skinner atau nama sebenarnya Burrhus Frederic Skinner serta mengaplikasikan fungsi filem dalam memberikan pengajaran, didikan dan contoh teladan kepada

masyarakat.. Oleh itu, data-data akan diambil dan dikumpulkan untuk dijadikan rangkuman kepada kajian yang dilakukan.

Bab 5 dan terakhir di dalam kajian ini mengandungi kesimpulan. Kesimpulan yang dilakukan melibatkan rangkuman secara jelas dan ringkas terhadap kajian yang dijalankan. Oleh itu, pengkaji akan memberikan hujahan, pendapat dan pandangan mereka terhadap perkara yang dikaji agar dapat membaiki masalah dan mencapai objektif yang telah ditetapkan sejak awal kajian.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, industri perfileman di Malaysia perlulah memperbanyakkan filem yang memaparkan akhlak yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana sebuah filem mampu mempengaruhi pemikiran mereka yang menonton. Sekiranya filem yang memaparkan berkaitan percintaan dan porno maka akhlak masyarakat terutamanya golongan remaja akan rosak. Hal ini kerana golongan muda akan terangsang dengan apa yang dilihat sehingga mampu menghilangkan jati diri mereka. Masalah kes jenayah seksual sudah pasti semakin lama semakin meningkat disebabkan pemikiran penonton sudah terikut dengan apa yang mereka tonton. Oleh itu, memperbanyakkan filem yang berunsur memberikan pengajaran, contoh teladan yang baik perlulah diperbanyakkan agar mampu mengubah akhlak yang buruk kepada baik kerana mereka akan merasakan apa yang mereka tonton dan lihat merupakan perkara yang salah dan melanggar larangan agama.

Filem-filem antarabangsa yang ingin masuk ke negara Malaysia juga perlulah ditapis terlebih dahulu di mana filem-filem yang mempunyai unsur porno dilarang sama sekali untuk masuk ke industri perfileman Malaysia. Hal

ini dikatakan demikian kerana sekiranya filem tersebut hanya terhad kepada umur 18 tahun merupakan perkara yang tidak relevan. Hal ini disebabkan mereka yang berumur bawah 18 tahun akan menonton filem-filem tersebut dengan melalui aplikasi-aplikasi cetak rompak yang dikongsi oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab perlulah menjaga dan menapis segala perkara yang terdapat dalam filem sebelum ditayangkan kepada orang ramai.

Industri filem Malaysia harus memperbanyakkan lagi pembikinan filem berunsur Islamik bagi memperbaiki akhlak seperti filem Bisik Pada Langit yang dapat ditonton oleh semua lapisan umur supaya dapat membentuk minda masyarakat tentang syariat islam dan cara hidup orang islam. Hal ini kerana masyarakat mudah terikut dengan apa yang dilihat mereka terutamanya bagi golongan muda, oleh sebab itu dengan adanya filem yang berunsur islamik, ini dapat memupuk masyarakat yang mengikut syariat islam dan cinta akan agama mereka seperti contoh tidak bersentuhan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim , sentiasa menjaga ibadah mereka dan menjaga agama mereka.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Kajian literatur ini merupakan rujukan pengkaji berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Bahan-bahan ini digunakan sebagai rujukan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Maklumat yang dirujuk seperti teori, reka bentuk kajian, prosedur kajian dan dapatan kajian. Kajian literatur ini dikaji berdasarkan artikel, jurnal, buku, akhbar online dan kajian-kajian terdahulu.

2.1 Tinjauan Terhadap Pendidikan Akhlak

Pendidikan akhlak dibincangkan oleh Ajmain @ Jimaain Safar, Ahmad Marzuki Muhammad, Wan Hassan Wan Embong dalam kajiannya pada tahun 2014 bertajuk *Pendidikan Akhlak Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia Sebagai Asas Kecemerlangan Pencapaian Sains dan Teknologi*. Tujuan pendidikan akhlak adalah mengubah akhlak yang buruk menjadi akhlak yang baik serta meningkatkan akhlak yang sudah baik, dan menjadikannya lebih baik. Oleh hal yang demikian, pendidikan akhlak perlu mengutamakan pembentukan kepribadian, watak, dan perilaku. Perangai bukanlah sesuatu yang tetap dan tidak berubah. Bagi memperoleh budi pekerti yang mulia, seseorang perlu melalui proses pendidikan, pengasuhan, pendidikan, dan latihan. Pakar-pakar akhlak seperti Imam al-Ghazali, Ibn Miskawayh, dan al-Tusi mengakui bahawa akhlak boleh menerima perubahan

melalui pendidikan, latihan, disiplin dan seumpamanya sama ada secara cepat atau lambat. Oleh itu, jika akhlak seseorang tidak dapat diasuh menjadi baik, maka akal, pemikiran, penyelidikan, syariah, kenabian, latihan, pendidikan, disiplin, nasihat, sekolah, universiti, undang-undang, kerajaan dan sebagainya sudah tentu menjadi tidak berguna lagi.

Menurut Ajmain @ Jimaain Safar, Ahmad Marzuki Muhammad, Wan Hassan Wan Embong (2014) juga menyatakan Peranan pendidikan akhlak adalah untuk membentuk jiwa dan kecenderungan individu menjadi baik, menjadikan mereka cenderung baik dan jahat, dan mencegah anggota masyarakat dari melakukan kejahatan. Pendidikan akhlak juga mampu membentuk kepribadian dan jiwa yang kuat. Mohd Nasir (1986) percaya bahwa setiap orang ingin memiliki kepribadian yang kuat dan jiwa yang kuat sebagai prinsip untuk mencapai peribadi yang mulia. Akhlak yang tinggi bukanlah sebuah perkara yang asing kerana agama Islam merupakan sandaran kepada perilaku manusia. Akhlak mulia tidak hanya bergantung pada hubungan antara manusia, tetapi juga menyangkut hubungan dengan Tuhan dan hubungan dengan manusia. Pemahaman manusia berpengaruh tentang hubungannya dengan Tuhan, hubungan dengan sesama manusia, dan hubungan dengan alam akan dapat menguatkan rohani dan akhlak seseorang. Kesempurnaan peribadi berakhlak akan memberi kesan kepada perbuatan dan tindak tanduk individu yang memilikinya.

Menurut Ahmad Rifa'i (2016) melalui jurnalnya yang bertajuk *Pendidikan Karakter dan Pendidikan Akhlak* menyatakan pendidikan akhlak ialah kedudukan jiwa manusia yang melakukan sesuatu tanpa berfikir terlebih dahulu yang mana dirumuskan oleh Ibn Miskawaih. Ibn Miskawaih

menyatakan terdapat dua sifat yang menonjol dalam diri manusia iaitu sifat buruk dari manusia yang angkuh, pengecut, pembohong dan pendusta manakala sifat cerdas dari manusia yang berani, adil, pemurah, sopan santun, sabar, kerja keras dan tawakal sehingga perkara yang dididik menjadi sifat yang sebenar dalam diri individu tersebut. Melalui pendidikan akhlak ukuran untuk menilai tingkah laku dan perangai seseorang sama ada betul dan salah boleh merujuk kepada Al-Quran dan Sunnah yang merupakan sumber tertinggi dalam ajaran agama Islam.

Melalui jurnal yang bertajuk *Strategi Pendidikan Akhlak Pada Anak hasil kajian daripada Amin Zamroni (2017)* menyatakan pendidikan akhlak bagi anak sangat penting. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam peredaran kehidupan manusia masa kanak-kanak merupakan masa yang paling penting kerana fasa dalam mendidik mereka mengenal dunia dan membezakan perkara yang baik dan buruk. Jika ibu bapa tidak memberikan pendidikan atau perhatian yang selayaknya, maka anak akan tumbuh dalam keadaan berakhlak buruk. Hal ini merupakan hakikat kerana kanak-kanak menerima sesuatu pelajaran dan ilmu sama ada baik dan buruk daripada ibu bapanya. Anak-anak akan mengikut tingkah laku dan cara ibu bapanya dalam membuat sesuatu perkara. Sebagai contoh, apabila ibu bapa mendidik dan mengajak anaknya melakukan kebaikan seperti sedekah, solat, mengaji dan berbakti kepada orang tua sudah pasti anaknya akan melakukan perkara yang sama. Hal ini demikian kerana, ibu bapa adalah individu yang akan mencorakkan kain yang putih kerana anak merupakan sehelai kain putih yang suci. Oleh itu, ibu bapa perlulah memberikan didikan akhlak yang baik agar anaknya sentiasa berada

di jalan yang sepatutnya iaitu melakukan kebaikan dan menjauhi perkara yang merosakkan akhlak.

Menurut Nur Hassan (2019) melalui jurnalnya yang bertajuk *Elemen-Elemen Psikologi Islami Dalam Pembentukan Akhlak* menyatakan bahawa dalam pembentukan akhlak sangat diperlukan beberapa hal yang berkaitan dengan keadaan psikologi manusia. Akhlak telah diungkapkan oleh sebahagian ahli bahawa akhlak adalah hasil dari pendidikan, latihan, pembinaan dan perjuangan keras dan sungguh-sungguh. Faktor yang mempengaruhi pembentukan akhlak yang pertama ialah faktor internal iaitu faktor pembawaan dari dalam diri yang karakternya dapat dilihat dalam minat, bakat, akal dan sebagainya manakala faktor kedua ialah faktor eksternal iaitu faktor pembawaan dari luar diri individu seperti lingkungan sosial yang meliputi pembinaan dan pendidikan yang diberikan. Jika pendidikan dan pembinaan yang diberikan kepada anak secara intensif melalui berbagai cara maka baiklah anak tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, manusia yang berakal boleh diubah dan dibentuk perangai atau sifatnya kerana “orang yang jahat tidak akan selamanya jahat, seperti halnya seekor binatang yang ganas dan buas bisa dijinakkan dengan latihan dan asuhan”. Oleh sebab itu usaha untuk membentuk akhlak yang baik memerlukan kemahuan yang gigih dan berterusan melakukan kebaikan untuk menjamin terbentuknya akhlak yang mulia.

Pendidikan akhlak juga turut dibincangkan oleh Nur ‘Afiatus Sa’adah, Tamsik Udin, Aceng Jaelani dan Muhafidin pada tahun 2022 melalui kajian jurnal yang bertajuk *Analisis Nilai - nilai Pendidikan Akhlak dalam Film Serial Animasi Riko The Series dan Relevansinya Terhadap Materi Pelajaran*

Akidah Akhlak di MI . Di dalam kajian ini mereka menyatakan pendidikan akhlak merupakan cara untuk menghilangkan kebiasaan buruk dan membina tingkah laku yang baik dari segi jasmani dan rohani sehingga mampu membina keseimbangan antara *hablumminallah* (hubungan dengan Allah) dan *hablumminannas* (hubungan dengan sesama manusia). Hal ini dikatakan demikian kerana, pada masa kini alat elektronik seperti telefon pintar, laptop, televisyen merupakan produk teknologi yang banyak digunakan oleh golongan muda sehingga mampu meruntuhkan akhlak mereka sekiranya tidak digunakan dengan betul. Sebagai contoh, melihat perkara-perkara yang tidak baik di laman sosial dan bercakap perkara yang tidak baik sekiranya marah kepada seseorang dengan mengeluarkan kata-kata makian dan cacian. Hal ini mampu menunjukkan seseorang itu tidak memiliki akhlak yang baik. Oleh hal yang demikian, memberikan kesedaran melalui filem yang baik di mana memberikan didikan, pengajaran dan contoh teladan perlu dihasilkan agar golongan remaja tidak mudah terjebak kepada perkara-perkara yang tidak baik disebabkan penggunaan alat teknologi yang semakin meluas.

Perbincangan mengenai Pendidikan Akhlak juga dibincangkan oleh Yenni Yunita (2023) melalui bukunya yang bertajuk *Pendidikan Akhlak Bagi Mahasiswa*. Pendidikan akhlak merupakan perkara yang memperlihatkan perilaku seseorang sama ada baik dan bertanggungjawab mahupun sebaliknya. Pendidikan akhlak bertujuan untuk membentuk nilai-nilai moral dan etika dalam diri seseorang sehingga mampu menjadi individu yang berakhlak mulia dan mampu memberikan dedikasi yang positif dalam masyarakat seperti mana akhlak-akhlak mulia yang ditunjukkan oleh ilmuwan seperti Imam Al-Ghazali yang telah menyatakan terdapat empat perkara dalam berakhlak mulia iaitu

bijaksana, adil, menjaga diri daripada perkara yang tidak baik dan berani di mana mampu mengawal hawa nafsu. Hal ini dikatakan demikian kerana, seseorang yang memiliki akhlak yang baik mulia pasti akan membuat perkara-perkara yang disuruh dan meninggalkan perkara yang dilarang. Oleh itu, untuk menjadi individu yang memiliki akhlak yang baik perlulah dikelilingi dengan masyarakat yang berakhlak baik juga kerana faktor persekitaran mampu untuk mempengaruhi akhlak seseorang individu.

2.2 Tinjauan Terhadap Kepentingan Filem

Menurut Rico Anthony Firmansyah dan Aryani Tri Wrastari (2014) menerusi jurnalnya yang bertajuk *Pengaruh Penggunaan Film sebagai Media Belajar terhadap Pencapaian Higher Order Thinking Skill pada Mahasiswa Fakultas Psikologi UNAIR* menyatakan bahawa filem boleh digunakan untuk media pendidikan dan terdapat 12 jenis yang boleh digunakan untuk pembelajaran iaitu narrative film (filem yang menggunakan naratif pada masa penyiarannya), dramatic film (sebuah filem yang menggabungkan drama teater, yang biasanya digunakan untuk drama atau pelajaran bahasa), discursive film (filem yang dibuat dalam beberapa siri dengan topik yang saling berkaitan antara satu sama lain), evidential film (filem tentang sains semula jadi. Biasanya ditayangkan di televisyen), factual film (hampir sama dengan filem discursive, bezanya ia lebih sistematik dalam setiap episod), emulative film (filem yang biasanya digunakan untuk latihan perang yang mana intinya supaya penonton dapat meniru apa yang ditayangkan dalam filem tersebut), problematic film (filem yang dibuat untuk mengasah kebolehan kognitif dan membuatkan penonton berfikir dengan lebih kritis),

incentive film (boleh dipanggil filem dokumentari, di mana penonton diharapkan melakukan sesuatu tentang fenomena yang berlaku selepas melihat filem ini), rhythmic film (sejenis seni video yang digunakan untuk merangsang kebolehan estetik penontonnya), therapeutic film (filem digunakan untuk membantu proses terapeutik), drill film (penonton akan menyertai aktiviti yang ditunjukkan dalam filem tersebut) dan participative film (hampir sama dengan filem latihan tubi, bezanya filem ini lebih menjurus kepada penghayatan berbanding pengajaran). 12 jenis filem tersebut merupakan jenis filem yang boleh digunakan sebagai media pembelajaran. Dalam kajian ini, penulis menggunakan problematic film atau filem bermasalah yang mana menurut (Mc Clusky 1948 dalam Elliot, 2006) filem bermasalah ialah filem yang sengaja dibuat berdasarkan masalah, di mana filem tersebut diharapkan dapat merangsang penonton untuk mengeluarkan pendapat.

Selain itu, kajian daripada oleh Hajar Opir, Mohammed Yusof, Luqman Abdullah, Norrodzoh Binti Hj Siren, Yusmini Md Yusoff, dan Wan Yusnee Abdullah (2017) melalui artikel *Membina Piawai Filem Patuh Syariah di Malaysia* menggariskan filem yang mengandungi konsep nilai pendidikan moral yang baik mengikut beberapa perspektif seperti Aqidah (dirujuk sebagai Iman dalam Islam), Akhlak (keperibadian dan kehidupan seharian), Ibadah (perkara yang berkaitan dengan amalan keagamaan), watak, pakaian, muzik, imej dan bahan yang digunakan. Misalnya, wanita memakai tudung; solat; belajar membaca Al Quran, tidak ada babak sentuhan antara laki-laki dan perempuan, seperti bertepuk tangan atau menyentuh tangan anggota perempuan atau laki-laki yang tidak dibolehkan secara agama (rukhsah), tidak melakonkan watak yang berlainan jantina di mana lelaki

menjadi wanita atau sebaliknya, tidak ada babak atau simbol yang dapat diinterpretasikan berdampak negatif terhadap nilai-nilai hukum dan agama. Di dalam filem bisik pada langit terdapat beberapa babak yang menggambarkan mengenai pendidikan akhlak yang baik menerusi watak yang ditonjolkan seperti menunaikan solat yang dapat dilihat melalui watak Wak Rosli dan keluarga yang menunaikan solat berjemaah, berpakaian menutup aurat dan menjaga jarak pergaulan apabila berbual dengan kawan lelakinya yang dapat dilihat melalui watak Hajar, dan kebaikan terhadap ibu bapa yang dapat dilihat melalui watak Zaidi yang mencium tangan ayahnya setelah selesai menunaikan solat. Kesemua perkara yang ditunjukkan menerusi watak boleh menjadi contoh teladan kepada penonton kerana mempunyai nilai pendidikan akhlak yang baik. Oleh itu elemen yang menggariskan nilai pendidikan moral yang baik perlu ditampilkan dalam sesebuah filem.

Seterusnya, kajian daripada Mohamad Shafiei Bin Ayub, Muhammad Taufik Md Sharipp, Aini Faezah Ramlan, Abdul Qayuum Abdul Razak, S. Salahudin Suyurno & Ahmad Faiz Hj Ahmad Ubaidah pada tahun 2017 menerusi kajian bertajuk *Unsur-unsur Takmilah dalam Filem Islam* menyatakan filem mempunyai kepentingan yang besar dalam masyarakat moden. Hal ini kerana filem berfungsi sebagai medium pendidikan, hiburan, maklumat, pencerahan, ekspresi artistik, dan penyatuan. Filem memainkan peranan penting dalam membentuk budaya dan identiti sesebuah masyarakat serta mempunyai pengaruh yang besar terhadap pembangunan sosial dan budaya sesebuah negara. Filem yang menerapkan akhlak yang baik memainkan peranan penting dalam pembangunan watak, penerapan nilai moral, penghayatan agama, mempengaruhi tingkah laku, dan juga

perkembangan kesedaran sosial dalam masyarakat. Oleh itu, menghasilkan filem yang berkualiti dan menekankan pendidikan akhlak yang baik sangat diperlukan agar dapat memberikan manfaat kepada penonton dan masyarakat.

Di samping itu, menurut Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Mohd Hamidi Ismail, Musa Mohamad dan Zulkarnin Zakaria menerusi kajian yang bertajuk *Pengakhiran Dunia Menurut Kefahaman Barat: Kajian Berdasarkan Filem Terminator Salvation* pada tahun 2018 menyatakan filem memainkan peranan penting dalam mendidik akhlak masyarakat dengan menyampaikan nilai-nilai moral, memupuk empati, menggambarkan realiti sosial, mengajar sejarah dan budaya, serta memberi inspirasi dan motivasi kepada penonton. Pemilihan filem yang berkualiti dan bernilai dapat memberi impak positif dalam membentuk akhlak masyarakat. Hal ini kerana, filem kebiasaannya mengandungi unsur moral seperti kejujuran, kesetiaan, keberanian, dan empati. Melalui watak-watak dalam filem, penonton dapat belajar dari contoh yang diberikan dan mengaplikasikan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan seharian. Selain itu, filem dapat membantu penonton untuk memahami dan merasai pengalaman orang lain melalui watak-watak dalam cerita. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu memupuk empati dan pemahaman terhadap kehidupan orang lain, serta menggalakkan sikap tolong-menolong dan ambil tahu tentang masyarakat. Filem bisik pada langit merupakan antara filem yang berkualiti dan bernilai kerana mempunyai pendidikan akhlak yang pelbagai menerusi watak perwatakan yang ditonjolkan. Oleh itu, filem mempunyai potensi yang besar dalam mendidik akhlak masyarakat dengan menyampaikan nilai-nilai positif, memupuk empati, meningkatkan kesedaran sosial, dan memberi inspirasi kepada penonton melalui pemilihan filem yang berkualiti

dan bernilai agar dapat memberi impak yang positif dalam membentuk akhlak masyarakat.

Selanjutnya, kajian daripada Annisa Fahmi Mannassai, Wiwik Pratiwi dan IAIN Sultan Amai Gorontalo pada tahun 2021 melalui jurnal yang bertajuk *Pengaruh Media Film Animasi Nussa dan Rara terhadap Perkembangan Kecerdasan Spiritual Anak Kelas AI PPAUD IT Lukmanul Hakim Limboto* menyatakan bahwa penggunaan media filem khususnya filem bercorak keislaman dapat mempengaruhi perkembangan kecerdasan spiritual anak pada usia dini. Filem bercorak keislaman yang dihasilkan mampu untuk meningkatkan moral dan perilaku seseorang melalui jalan penceritaan yang menarik. Melalui filem *bisik pada langit* jalan penceritaan yang menggambarkan kehidupan orang Islam mampu untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang perkara yang dituntut untuk dilakukan dalam ajaran agama Islam. Oleh itu, dapat disimpulkan bahwa penggunaan film terutamanya yang mengandungi nilai-nilai moral dan tingkah laku yang baik dijadikan sebagai satu cara yang berkesan untuk mendidik akhlak masyarakat. Filem dapat membantu dalam menyampaikan nasihat secara visual dan menarik supaya dapat membentuk perwatakan dan akhlak yang baik.

Akhir sekali, filem menurut Zairul Anuar Md. Dawam, Imelda Ann Achin, Rosli Sareya, Addley Bromeo Bianus dan M. Fazmi Hisham pada tahun 2022 menerusi kajian yang bertajuk *Historiografi Filem Melayu Dalam Konteks Transformasi Sosial Dan Sosiobudaya Masyarakat Malaysia* menyatakan bahawa filem berkepentingan dalam mendidik akhlak masyarakat melalui beberapa aspek iaitu filem sebagai alat komunikasi. Hal ini kerana filem ialah alat komunikasi yang berkesan untuk menyampaikan mesej khusus

kepada masyarakat melalui unsur naratif seperti tema, mesej, watak dan perwatakan, serta filem dapat menggambarkan isu sosial dan sosiobudaya yang relevan dengan masyarakat. Filem juga mampu untuk memberikan pengaruh dalam mendidik akhlak masyarakat dengan menyampaikan nilai-nilai moral, etika, dan kebaikan. Hal ini kerana dengan menampilkan contoh-contoh yang baik dalam filem, masyarakat dapat inspirasi untuk mengikuti jejak yang ditunjukkan menerusi apa yang dilihat dan ditonton. Melalui filem *bisik pada langit* mesej yang disampaikan mampu untuk memberikan didikan akhlak yang baik kepada masyarakat kerana menyampaikan mesej mengenai kejujuran, hormat-menghormati dan sebagainya. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa filem memiliki peranan yang penting dalam mendidik akhlak masyarakat dengan menjadi medium komunikasi yang efektif, cerminan sosial, dan alat untuk merekam serta menggambarkan transformasi sosial dan sosiobudaya masyarakat.

2.3 Tinjauan Terhadap Teori Psikologi

Faktor psikologi boleh menjadi penentu dalam memberikan didikan akhlak yang baik seperti yang digambarkan di dalam Filem Bisik Pada Langit. Merujuk kepada kajian yang dilakukan oleh Norinawati Binti Kamarulzaman pada tahun 2008 melalui artikel bertajuk "*Kajian: Bagaimana Filem Menyampaikan Kesan Psikologi Seorang Watak Terhadap Penonton*". Di dalam artikel ini beliau menggariskan bahawa aspek psikologi terbahagi kepada dua iaitu perspektif subjektif (pandangan pelakon terhadap sesuatu) dan mental subjektiviti (babak imbas kembali dan mimpi yang terdapat dalam filem), jalan cerita yang menentukan cara pemikiran bentuk pada sesebuah

filem yang berlandaskan struktur naratif (plot dan penyampaian maklumat) dan gaya visual (warna, pencahayaan, shot tertentu dan mise-en-scene). Misalnya, babak adik beradik yang mengimbaskan kembali pengorbanan ibu bapa kepada diri sehingga mampu menunaikan segala permintaan anaknya serta pembahagian kasih sayang yang diberikan antara anak lelaki dan perempuan. Babak sedih yang mana mampu membuat penonton juga berasa sedih dengan apa yang terjadi di dalam cerita. Sebagai contoh, penonton dapat merasa kesedihan yang di alami oleh anak bongsu yang sering dipinggirkan walaupun memiliki kelebihan kerana ayahnya mengutamakan anak perempuan. Kemudian babak yang memberikan kesan psikologi di mana mengingat umat Islam terutamanya bahawa solat sangat penting dalam setiap kehidupan kerana akan mampu meringankan masalah seperti pada babak Hajar koma kesemua ahli keluarga melakukan solat hajat agar Hajar dapat kembali sedar dari koma. Oleh itu, kesan psikologi mampu mengubah individu untuk menjadi orang yang lebih baik.

Menurut Yuliana Lu dan Yenni Ana Hamu pada tahun 2008 menerusi kajian yang bertajuk *Teori Operant Conditioning Menurut Burrhusm Frederic Skinner* menyatakan bahawa tingkah laku manusia dipengaruhi oleh pengaruh persekitaran. Hal ini kerana, menurut Skinner tingkah laku manusia boleh berlaku secara berulang atau hilang. Apabila manusia minat untuk melakukan sesuatu perkara pasti perkara tersebut akan dilakukan kembali malahan sekiranya tidak suka untuk melakukannya perkara tersebut tidak akan dilakukan lagi. Teori Skinner mempunyai pengaruh yang besar terhadap ahli psikologi pembelajaran masa kini. Skinner menyatakan pendapatnya dengan

memasukkan unsur-unsur cadangan pengukuhan undang-undang akibat yang dicadangkan oleh Thorndike. Oleh itu, teori Skinner boleh digunakan untuk membimbing dan menambah baik sikap seseorang melalui cara yang betul.

Menurut Azizi Yahaya dan Faizah Idris di dalam artikel pada tahun 2010 yang bertajuk *Teori Psikologi* menyatakan teori psikologi merupakan perkara yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku agresif yang terdapat dalam diri setiap individu. Antara faktor yang mempengaruhi teori psikologi ini ialah faktor persekitaran, teori neurologi, teori psikoanalisis, teori kognitif dan teori behaviorisme. Menurut Lombroso (1989), yang terdapat di dalam artikel tersebut juga mengatakan bahawa sikap agresif merupakan sifat semula jadi yang telah dilahirkan sejak asal dan tidak dipelajari oleh mana-mana pihak. Kesimpulan yang dibuat oleh Lombroso ialah bahawa penjenayah dilahirkan oleh satu per tiga daripada pesalah. Hal ini kerana, ianya disebabkan kesalahan pengambilan barang-barang terlarang seperti dadah, arak atau pengaruh dengan keadaan sekeliling yang mempunyai persekitaran yang buruk.

Kajian daripada Kiki Mardiyani pada tahun 2012 menerusi kajian bertajuk *Tujuan dan Penerapan Teori Behaviorisme Dalam Pembelajaran* menyatakan bahawa perubahan dalam tingkah laku bergantung kepada akibatnya yang mana menurut Burrhus Skinner yang merupakan seorang tokoh dalam teori behaviourisme. Beliau telah memperkenalkan konsep penguatan, di mana akibat yang menyenangkan menguatkan tingkah laku, dan hukuman melemahkan tingkah laku. Pendekatan Skinner terhadap

behaviourisme, yang dikenali sebagai pelaziman operan, telah digunakan secara meluas dalam pendidikan dan telah membawa kepada pembinaan alat bantu pembelajaran. Secara keseluruhannya, sumbangan Skinner terhadap teori behaviourisme telah menekankan kepentingan kesan dalam membentuk tingkah laku dan telah memberi impak yang besar kepada bidang pendidikan. Teori ini boleh digunakan untuk memastikan bahawa filem mampu untuk memberi impak kepada pendidikan akhlak masyarakat menerusi apa yang dilihat dan ditonton di dalam filem sehingga memberikan mereka pembelajaran berdasarkan filem yang ditonton.

Menurut Wahida Hardiyanti melalui kajian yang bertajuk *Keperibadian Tokoh Bu Suci Dan Waskito Dalam Novel Pertemuan Dua Hati Karya N.H Dini Perspektif Behaviorisme Teori B.F Skinner* pada tahun 2016 menyatakan bahawa Skinner membahagikan tingkah laku kepada dua jenis iaitu responden dan operan. Kajian ini menyatakan bahawa B.F Skinner merasakan bahawa tingkah laku operan (operant behavior) merupakan tingkah laku yang lebih penting berbanding tingkah laku responden (responden behavior). Hal ini dikatakan demikian kerana tingkah laku operan ialah tingkah laku yang dilakukan secara sukarela tanpa paksaan dan merupakan sesuatu tindakan yang diambil untuk mendapatkan manfaat. Hal ini dapat dilihat apabila seseorang remaja yang mudah terpengaruh dengan budaya kehidupan yang berbeza dengan kebiasaannya. Sebagai contoh, seseorang yang tinggal di kampung yang mengamalkan adat dan budaya yang baik apabila tinggal di bandar akan menjadi manusia yang kurang berakhlak kerana bandar merupakan tempat yang boleh merosakkan akhlak sekiranya salah dalam memilih rakan. Perkara ini merupakan kebiasaannya yang dapat dilihat di

dalam mana-mana filem yang mana menggambarkan kehidupan bandar dan kampung yang sangat berbeza. Oleh hal yang demikian filem yang menggambarkan kehidupan kampung yang mana terdapat di dalam filem bisik pada langit sangat sesuai untuk memberikan pendidikan akhlak yang baik kepada masyarakat terutamanya golongan remaja.

Menurut Ahmad Ansor Ridwani pada tahun 2019 melalui kajian yang bertajuk *Implikasi dan Implementasi Teori Behaviorisme Menurut Burrhus Frederic Skinner dalam pembelajaran pendidikan agama Islam* menyatakan bahawa behaviorisme adalah salah aliran psikologi yang membantu dalam keberkesanan pembelajaran. Behaviorisme adalah aliran psikologi yang memfokuskan kepada tingkah laku dan menggunakannya sebagai asas untuk membina teori teori tanpa merujuk kepada pengalaman dan kesedaran manusia. Menurut Skinner, tingkah laku ialah sebarang tingkah laku yang berdasarkan rangsangan yang diberikan oleh orang lain. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa behaviorisme ialah satu aliran psikologi yang menjadikan tingkah laku sebagai fokus kajiannya. Behaviorisme mahukan tingkah laku yang boleh diukur, digambarkan hanya dengan apa yang nampak dan menganggap apabila manusia dilahirkan ke dunia, manusia tidak mempunyai sebarang bakat dalam diri sehingga yang menentukan tingkah lakunya ialah persekitarannya melalui apa yang dilihat, didengar dan dirasai sehingga membentuk sifat mereka. Sekiranya persekitarannya buruk maka tingkah lakunya juga akan menjadi buruk begitu juga sebaliknya.

Teori Psikologi turut dibincangkan oleh Lalu Pradipta Jaya Bahari pada tahun 2022 melalui jurnal yang bertajuk *Analisis Teori Psikologi Serta*

Implementasinya Terhadap Kehidupan Sosial Remaja. Di dalam artikel ini menyatakan bahawa pengaruh sosial boleh memainkan peranan yang penting. Hal ini dikatakan demikian kerana perubahan personaliti seseorang individu terutamanya remaja disebabkan oleh faktor persekitaran dan pergaulannya dalam masyarakat. Hal ini menyebabkan perwatakan yang terdapat dalam sesebuah filem boleh memberikan gambaran kepada pemikiran masyarakat terutamanya remaja berdasarkan perkara yang dilihat di mana sekiranya watak yang terdapat di dalam sesebuah cerita menggambarkan tentang akhlak yang baik maka golongan yang menonton juga boleh mewujudkan rasa untuk melakukan perkara yang sama seperti yang dilihat dan ditonton. Golongan remaja sangat cepat dalam meniru perkara yang dipelajari dan dilihat dalam persekitaran kerana psikologi mereka dapat menyerap dengan cepat. Oleh hal yang demikian, filem yang memberikan pendidikan akhlak yang baik seperti menjaga batas pergaulan dan taat kepada ajaran agama yang mana terdapat di dalam filem bisik pada langit diperlukan agar masyarakat terutamanya golongan remaja juga mampu untuk menunjukkan akhlak yang baik berdasarkan filem yang ditonton. Oleh itu, psikologi mampu memberi kesan terhadap tingkah laku remaja dan masyarakat.

2.4 Kesimpulan

Bab ini menjelaskan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian yang akan dijalankan. Dalam bab ini beberapa jurnal dikenalpasti berkaitan dengan kajian diambil dan diterokai bagi mencari kekosongan dalam kajian-kajian lepas. Melalui kupasan tersebut, pengkaji akan mengenal pasti peluang dan bahagian yang belum disentuh oleh penyelidik.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai teori dan kaedah kajian yang digunakan dalam menjalankan penyelidikan. Menurut Chua (2011) menyatakan penyelidikan adalah satu kaedah yang dijalankan untuk memastikan maklumat yang diperolehi adalah mencukupi dan disokong oleh data kualitatif dan kuantitatif. Bagi kajian ini teori yang digunakan adalah teori psikologi behaviourisme daripada B.F. Skinner manakala kaedah kajian adalah berbentuk kajian kualitatif deskriptif. Azizah Hamzah (2010) menyatakan penyelidikan kualitatif bukan tentang mengumpul banyak maklumat tetapi bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berkualiti. Kepentingan penyelidikan kualitatif ialah melalui pembahagian data dalam bentuk teks yang mana pengkaji dapat memahami secara mendalam mengenai kajian yang dilaksanakan. Kajian penyelidikan kualitatif merangkumi kajian kes, kajian tindakan, kajian teori dan kajian sejarah.


3.1 Kerangka Teori

Kerangka ialah reka bentuk penyelidikan, dipanggil struktur keseluruhan penyelidikan saintifik. Menurut Garisson (2000), teori ialah konsep dan modul yang sistematik bertujuan untuk memahami, menjelaskan, dan mentafsir ramalan. Teori ini memberikan perspektif yang boleh mengurangkan kerumitan menerangkan fenomena yang berlaku. Menurut Nawawi (2001), kerangka teori ialah asas untuk mengaplikasikan teori, atau

asas pemikiran saintifik ketika mengkaji sesuatu perkara yang dilakukan. Oleh itu, kerangka teori adalah bahagian yang penting dalam penyusunan kajian ilmiah kerana di dalam kerangka teori terdapat maklumat yang relevan dalam menjelaskan permasalahan yang dikaji dan kerangka teori dijadikan sebagai asas pemikiran dan titik tolak penyelidikan.

3.1.1 Kerangka Teori Psikologi

Teori psikologi merupakan perkara yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku agresif yang terdapat dalam diri setiap individu. Antara faktor yang mempengaruhi teori psikologi behaviourisme ialah pelaziman operan, membentuk tingkah laku operan, persekitaran mengawal, emosi dan hukuman. Teori psikologi behaviourisme yang digunakan adalah daripada B.F Skinner atau nama sebenarnya Burrhuss Frederick Skinner.



Rajah 2: Kerangka Teori Psikologi Behaviourisme oleh B.F. Skinner

3.1.2 Teori Psikologi

Teori psikologi ialah satu set konsep, andaian dan prinsip yang membantu menjelaskan dan memahami tingkah laku, proses mental dan pengalaman manusia. Teori psikologi berfungsi sebagai rangka kerja untuk mengatur dan mentafsir maklumat tentang tingkah laku dan pemikiran manusia. Matlamat teori psikologi adalah untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang cara orang berinteraksi dengan dunia dan mengapa mereka bertindak seperti yang mereka lakukan. Terdapat pelbagai teori psikologi yang dibangunkan oleh pakar dalam bidang ini dan teori utama psikologi termasuk faktor persekitaran, teori neurologi, teori psikoanalitik, kognitif dan teori behaviourisme. Bagi kajian ini pengkaji memilih teori behaviourisme daripada B.F Skinner.

3.1.3 Sejarah Teori Psikologi Behaviourisme B.F.Skinner

Behaviourisme adalah salah satu pendekatan utama dalam psikologi yang memfokuskan kepada kajian tingkah laku manusia dan haiwan sebagai tindak balas terhadap rangsangan persekitaran. Walaupun teori behaviourisme telah dibangunkan oleh pelbagai individu, salah satu tokoh utama dalam perkembangan behaviourisme ialah Burrhuss Frederick (B.F.) Skinner.

Pada awal abad ke-20, strukturalisme dan fungsionalisme adalah psikologi yang dominan. Strukturalisme memberi tumpuan kepada menganalisis struktur minda melalui proses penilaian diri dengan mendalam manakala fungsionalisme memberi tumpuan kepada fungsi tingkah laku yang membantu organisma menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka. Walaupun kedua-dua gerakan ini memberi sumbangan penting kepada

perkembangan psikologi, mereka mempunyai pengkritik dan batasan yang mendorong kepada pembangunan gerakan baru, iaitu behaviourisme.

Sumbangan terbesar B.F Skinner bagi psikologi ialah perkembangan teori pelaziman operan, yang juga dikenali sebagai teori peneguhan (reinforcement). Skinner percaya bahawa tingkah laku manusia dan haiwan boleh difahami dengan mengkaji bagaimana tingkah laku itu terhasil daripada sebab dan akibat yang mengikuti tingkah laku itu.

Menurut teori pelaziman operan Skinner, apabila sesuatu tindakan diikuti oleh akibat yang menggembirakan atau mengukuhkan, kemungkinan tindakan kepada sesuatu tingkah laku itu akan berlaku dengan peningkatan yang lebih tinggi. Sebaliknya, jika tindakan diikuti oleh akibat yang tidak menyenangkan, barangkali tindakan itu dikurangkan. Dalam teori ini, "peneguhan" positif atau negatif digunakan untuk menambah atau mengurangkan kebarangkalian sesuatu tingkah laku berlaku.

B.F. Skinner adalah salah seorang tokoh yang paling berpengaruh dalam sejarah psikologi. Hal ini dikatakan demikian kerana, di dalam teori pelaziman operan beliau telah mempengaruhi banyak bidang, termasuk bidang pendidikan, psikoterapi, dan analisis tingkah laku. Skinner juga telah membangunkan alat eksperimen seperti kotak Skinner untuk mengkaji tingkah laku haiwan.

Walaupun teori behaviourisme dan konsep pelaziman operan masih merupakan bahagian penting dalam psikologi moden, banyak teori psikologi lain telah berkembang sejak itu di mana telah menggabungkan pelbagai pendekatan dan perkembangan psikologi sehingga telah menghasilkan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang tingkah laku manusia dan haiwan.

3.2 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kajian kualitatif. Kajian kualitatif merupakan kaedah mengumpul data dalam bentuk perkataan atau teks yang mana maklumat didapati daripada buku, jurnal, novel, artikel, akhbar dan sebagainya yang boleh didapati daripada sumber pembacaan perpustakaan dan sumber internet.

3.2.1 Kajian Kepustakaan

Merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan bukti dan maklumat mengenai kajian. Kaedah ini boleh digunakan bagi memperoleh data dengan tepat dan digunakan dalam sesuatu rujukan kajian ilmiah. Kaedah ini merupakan salah satu cara untuk mendapatkan maklumat yang relevan bagi kajian ini. Maklumat diperolehi daripada bacaan bahan-bahan ilmiah yang terdapat di dalam sesebuah gedung perpustakaan yang mana terdapat buku-buku mengenai kajian pendidikan akhlak.

3.2.2 Jurnal

Merupakan kaedah di mana memetik jurnal penyelidikan lepas sebagai sumber saintifik adalah keutamaan yang utama bagi sesebuah kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana, jurnal merupakan tempat yang sesuai untuk dirujuk di dalam sesebuah kajian ini. Oleh hal yang demikian jurnal merupakan medium yang boleh digunakan untuk menambahkan idea dalam penulisan penyelidikan. Pengkaji perlu bijak untuk memilih jurnal-jurnal yang bersesuaian dengan kajian yang dilakukan.

3.2.3 Analisis Teks

Kajian teks yang dilakukan oleh pengkaji adalah berdasarkan filem Bisik Pada Langit (2017). Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji akan meneliti setiap dialog, perwatakan dan jalan cerita yang terdapat di dalam filem Bisik Pada Langit. Filem ini dipilih oleh pengkaji kerana terdapat pelbagai aspek pendidikan akhlak yang boleh diambil sebagai pengajaran dan contoh teladan kepada masyarakat. Filem ini juga mampu memberi pengaruh terhadap psikologi manusia kerana mampu memahami perasaan watak yang dibawa. Pengkaji akan mengeluarkan maklumat berkaitan pendidikan akhlak yang mampu dijadikan pengajaran dan contoh teladan untuk dijadikan analisis bagi memenuhi objektif kajian.

3.2.4 Sumber Internet

Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan penambahan idea tambahan yang mana tidak terdapat di jurnal dan sumber perpustakaan. Kaedah ini adalah kaedah yang paling mudah dan pantas bagi mendapatkan maklumat atau info tambahan berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana di dalam internet terdapat pelbagai akses yang boleh digunakan seperti google scholar, akhbar online, jurnal online dan sebagainya yang boleh digunakan dalam kajian yang dilakukan.

3.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, teori dan kaedah kajian ini dilakukan bagi menerangkan mengenai teori dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengkaji semasa proses mengumpul data dan maklumat berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Kaedah kajian dan teori ini sangat berguna kepada pengkaji semasa proses penulisan ilmiah dilakukan.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai analisis kajian berdasarkan objektif yang telah dikemukakan. Melalui kajian ini analisis akan dibuat berdasarkan filem *Bisik Pada Langit* dengan mengenal pasti konsep pendidikan akhlak dalam filem tersebut. Selain itu, kajian juga akan menganalisis proses penentuan akhlak dengan menggunakan Teori Psikologi Behaviourisme daripada B.F.Skinner serta mengaplikasikan fungsi filem dalam memberikan pengajaran, didikan dan contoh teladan kepada masyarakat. Oleh itu, analisis kajian ini sangat penting untuk dilaksanakan bagi membincangkan maklumat-maklumat penting berdasarkan kajian yang dilakukan.


4.1 Konsep pendidikan akhlak dalam filem *bisik pada langit*

4.1.1 Menjaga Batas Pergaulan

Pergaulan dalam bahasa Arab digelar sebagai *ikhtilat* yang bermaksud pertemuan di antara lelaki dan wanita yang bukan mahram di suatu tempat dan berlaku interaksi yang melibatkan percakapan, duduk berdua-duaan, dapat melihat individu yang dijumpai dan bebas melakukan perkara kebaikan atau keburukan (Ibn Syami Syaibah, 2010). Manakala menurut Sutji Justitia (2021) pergaulan merupakan suatu keperluan manusia untuk berhubung dengan manusia yang lain akan tetapi pergaulan tersebut mempunyai beberapa batasan yang perlu dijaga dan dipatuhi agar dapat mencipta kehidupan yang baik dalam

berhubung seperti pergaulan dengan niat untuk menyampaikan ilmu atau pergaulan untuk mengeratkan hubungan silaturahmi. Oleh hal yang demikian pergaulan yang dilakukan di antara lelaki dan wanita yang bukan mahram perlulah dijaga dan dibatasi serta digalakkan berbual mengenai perkara kebaikan agar tidak timbul masalah yang akan merosakkan akhlak seseorang.

Menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan sangat penting untuk mengelak daripada berlakunya perkara yang tidak baik seperti zina. Hal ini dikatakan demikian kerana, di dalam ajaran Islam kita telah diajarkan untuk menjaga tindakan dan ikhtilat dengan golongan yang bukan mahram agar tidak menimbulkan fitnah. Melalui filem bisik pada langit menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan dapat dilihat pada watak Siti Hajar dan Irwan yang sentiasa menjaga batas pergaulan mereka sebagai golongan yang bukan mahram.



Gambar 1: Tangkap Layar Filem Bisik Pada Langit yang memperlihatkan menjaga batas pergaulan.
(Sumber: Filem Bisik Pada Langit, 2017, minit 2.48)

Seperti gambar 1 di atas telah memperlihatkan penjagaan batas pergaulan pada minit ke 2:48 di mana Siti Hajar menjaga pergaulannya dengan Irwan dengan tidak menaiki motor bersama untuk berjalan berpusing di negara Australia serta pada minit ke 11:22 semasa Irwan

mengenangkan perbualannya dengan Siti Hajar telah memperlihatkan penjagaan batas pergaulan antara mereka dengan duduk secara berjauhan. Oleh itu, menjaga batas pergaulan merupakan pendidikan akhlak yang terdapat dalam filem bisik pada langit.

4.1.2 Sopan Santun

Sopan santun merupakan satu pendidikan akhlak yang baik kerana menunjukkan sifat beradab, lemah lembut dan budi pekerti yang baik. Menurut Dian Bowo Saputro et.al. (2020) sopan santun merupakan perkara yang bersifat relatif di mana berbeza mengikut tempat dan persekitaran. Hal ini kerana, sopan santun menunjukkan sikap hormat seseorang dengan individu yang lain sama ada dengan orang yang lebih tua atau rakan sebaya yang mana berbeza caranya dalam bersopan santun. Sopan santun dapat memperlihatkan tingkah laku seseorang yang mengangkat tinggi sikap saling hormat menghormati, memuliakan, tidak angkuh dan berakhlak mulia.

Melalui filem *Bisik Pada Langit* sopan santun dapat dilihat pada minit ke 8:05 di mana kawan lelaki kepada Hajar iaitu Irwan menelefon bapa Hajar dengan bercakap secara sopan santun di mana memberi salam dan memperkenalkan diri untuk memaklumkan tentang kemalangan yang menimpa Hajar. Dialog yang memperlihatkan sifat sopan santun berdasarkan filem berbunyi seperti berikut:

Wak Rosli: Hello, Assalamualaikum Hajar.

Irwan: Waalaikummussalam

Wak Rosli: Eh! Kamu siapa pulak ? Mana Hajar.

Irwan: Saya Irwan Pak Cik.

Wak Rosli: Hajar mana Hajar

Irwan: Saya nk bagitahu Pak Cik ni, Hajar accident Pak Cik, dia ada kat bilik bedah sekarang, Pak Cik doakan dia ye.

(Sumber: Filem Bisik Pada Langit, 2017)

Berdasarkan dialog di atas, jelaslah memperlihatkan sifat sopan santun yang dilakukan oleh Irwan di mana sopan dalam bercakap dengan orang yang lebih berusia dan menghormati orang yang lebih tua dengan menggunakan gelaran Pak Cik dan tidak berbual seperti bercakap dengan rakan sebaya. Hal ini demikian agar maklumat yang ingin disampaikan dapat diterima dan tidak menggunakan bahasa kasar yang boleh menyinggung perasaan terutamanya apabila ingin berita yang tidak baik.

Selain itu, sopan santun berdasarkan filem *Bisik Pada Langit* juga dapat dilihat pada minit ke 10:05 di mana abang sulung Hajar iaitu Zaidi, menegur bapanya yang marah dengan nada lemah lembut dan menyatakan bahawa benda nak jadi tetap akan terjadi dan jangan salahkan sesiapa.



Gambar 2: Tangkap Layar Filem Bisik Pada Langit yang memperlihatkan pendidikan akhlak sopan santun yang ditunjukkan oleh watak Zaidi.

(Sumber: Filem Bisik Pada Langit, 2017, minit 10:05)

Berdasarkan gambar 2 di atas sopan santun dapat dilihat melalui ekspresi wajah Zaidi yang melihat ayahnya apabila ingin bercakap dan menyatakan pandangan jelas menunjukkan sopan santun di antara anak dan bapa. Oleh itu, sopan santun merupakan antara pendidikan akhlak yang baik yang terdapat di dalam filem ini.

4.1.3 Kejujuran

Kejujuran merupakan sikap yang sangat baik yang dapat dilihat dari segi tindakan, ucapan dan tingkah laku seseorang yang mana sesuai dengan fakta, kebenaran dan berintegriti. Hal ini dikatakan demikian kerana, orang yang jujur sentiasa bercakap dan berbual tentang perkara yang benar tanpa berselindung di sebalik fakta dan cuba untuk menipu (Indah Cahyani & Muhamad Taufik Hidayat, 2023).

Hal ini disebabkan kerana seseorang yang mempunyai sifat kejujuran mempunyai prinsip di mana akan sentiasa mengatakan perkara yang benar dan terbuka dalam mengatakan tentang sesuatu perkara atau peristiwa kepada seseorang.

Sifat kejujuran yang terdapat dalam filem *Bisik Pada Langit* dapat dilihat pada minit ke 9.20 hingga 9.40 apabila ibu Hajar iaitu Zainab jujur tentang kesalahan dirinya kepada bapa Hajar iaitu Wak Rosli tentang dirinya yang tidak memberitahu dan melarang niat Hajar yang ingin berpusing-pusing di negara Australia dengan menaiki motor dan bapanya sahaja yang tidak mengetahui hal tersebut. Dialog yang disampaikan ibu Hajar kepada bapa Hajar berbunyi seperti berikut:

Zainab: “Nab yang salah bang, nab tak larang langsung dia waktu dia bagitahu dengan nab, dia nak pusing-pusing dekat Australia dengan motor sebelum dia balik sini”

Wak Rosli: Kalau bagitahu, benda ni tak jadinya

Zainab: Kalau nab bagitahu pun, abang boleh larang dia ke? Abang kat sini dia kat sana.

(Sumber: Filem *Bisik Pada Langit*, 2017)

Melalui dialog di atas jelas menunjukkan bahawa kejujuran merupakan perkara yang sangat penting agar dapat membina sebuah kepercayaan antara individu terutamanya hubungan di antara suami isteri berkaitan dengan anak-anak. Suami isteri seharusnya tidak boleh merahsiakan perkara yang melibatkan anak-anak terutamanya sekiranya anak ingin melakukan perkara yang boleh merosakkan diri dengan terlibat dengan perkara yang tidak baik seperti merempit. Memberi didikan dan teguran kepada anak-anak perlulah dibincangkan bersama agar anak mendapat pendidikan yang baik melalui ibu bapa yang bersatu hati dan jujur di antara satu sama lain.


Oleh itu, sifat kejujuran merupakan pendidikan akhlak yang baik kerana dapat menggambarkan keperibadian seseorang itu di mana

boleh diberikan amanah dan dipercayai dalam melaksanakan sesuatu perkara serta akan bercakap jujur walaupun apabila melakukan kesalahan.

4.1.4 Kesetiaan

Kesetiaan merupakan sebuah sifat yang dianggap memiliki keistimewaan di mana berbakti kepada sesuatu perkara yang dibuat seperti janji, ikatan, hubungan dan rangkaian. Hal ini kerana, orang yang setia akan sentiasa konsisten dalam apa sahaja perkara yang dilakukan dan dapat dipercayai melalui tingkah laku atau tindakan mereka terhadap sesuatu yang dianggap penting dan bernilai. Menurut Marcella Selianty Bungalele (2019) kesetiaan merupakan sebuah titik penting terutama apabila menjalin hubungan dengan seseorang. Hal ini kerana, kesetiaan memerlukan peranan dan komitmen yang tinggi terhadap seseorang berserta tujuan dan prinsip kerana orang memiliki kesetiaan tidak akan memungkiri sesuatu perkara dan cenderung mempertahankan hubungan yang dibina.

Melalui filem *Bisik Pada Langit* kesetiaan dapat dilihat pada minit ke 11:00 yang menunjukkan bahawa kawan lelaki Hajar iaitu Irwan setia menunggu Hajar yang sedang menjalankan pembedahan di luar bilik pembedahan dengan memegang rantai kepunyaan Hajar.



Gambar 3: Tangkap Layar Filem Bisik Pada Langit yang memperlihatkan kesetiaan.

(Sumber: Filem Bisik Pada Langit, 2017, minit 11)

Berdasarkan gambar 3 di atas kesetiaan dapat dilihat melalui peristiwa Irwan memegang rantai kepunyaan Siti Hajar dan menunggu Siti Hajar yang sedang menerima rawatan akibat daripada kemalangan. Kesetiaan Irwan boleh dikatakan kerana tanggungjawab seorang rakan yang perlu diambil oleh beliau kerana kemalangan itu berlaku semasa beliau bersama Siti Hajar dan keluarga Hajar yang tinggal jauh di Malaysia. Oleh itu, kesetiaan yang ditunjukkan oleh Irwan ini merupakan akhlak yang baik kerana kesetiaan merupakan sifat yang sangat bernilai dalam sebuah perhubungan sama ada pasangan, keluarga dan persahabatan kerana mereka tidak akan mengkhianati kepercayaan yang diberikan oleh seseorang.


4.1.5 Ketaatan kepada Agama

Ketaatan kepada agama adalah meletakkan diri sepenuhnya kepada ajaran agama yang dianuti. Hal ini dikatakan demikian kerana di dalam setiap agama kita digalakkan untuk menunjukkan akhlak dan sifat yang baik dalam melakukan sesuatu perkara dari segi kehidupan, pegangan dan amalan yang perlu dilakukan mengikut ajaran agama yang telah dianjurkan. Pegangan agama setiap orang berbeza mengikut ajaran yang telah dipelajari dan diberikan. Agama di Malaysia

misalnya mempunyai banyak penganut antaranya terdiri daripada penganut agama Islam, Kristian, Hindu, Buddha, Sikh dan sebagainya akan tetapi yang paling tinggi adalah penganut agama Islam. Hal ini kerana, menurut Nazri Muslim (2014) agama Islam merupakan agama rasmi bagi persekutuan yang mana telah di catat di dalam perlembagaan persekutuan dalam perkara 3(1).

Ketaatan seseorang kepada agama yang dianuti berbeza berdasarkan amalan yang dilaksanakan misalnya di dalam agama Islam seseorang itu diwajibkan untuk melaksanakan solat lima waktu akan tetapi mereka boleh memilih untuk menambah amalan dengan melaksanakan solat sunat yang dilakukan secara sukarela untuk mendekatkan diri dengan Allah. Oleh hal demikian, ketaatan kepada agama seseorang individu itu berbeza dalam mencari petunjuk dalam kehidupan.

Melalui filem *Bisik Pada Langit* ketaatan kepada agama dapat dilihat minit ke 13:04 hingga 13:35 di mana keluarga Hajar dan rakannya Irwan melaksanakan solat dan berdoa meminta pertolongan Allah untuk menyelamatkan dan mempermudah urusan Siti Hajar yang sedang menerima rawatan di dalam bilik pembedahan.




Gambar 4: Tangkap Layar Filem *Bisik Pada Langit* yang memperlihatkan ketaatan kepada agama.
(Sumber: Filem *Bisik Pada Langit*, 2017, minit ke 13)

Berdasarkan gambar 4 di atas menunjukkan di mana keluarga Hajar dan Irwan yang beragama Islam mencari petunjuk Allah dan meminta pertolongan kepada-Nya melalui solat Hajat mahupun solat Sunat agar dapat mempermudah segala urusan dan meringankan segala masalah yang dihadapi. Oleh itu, melaksanakan solat sebagai penganut agama Islam di mana kita diwajibkan untuk bergantung harap kepada Allah SWT merupakan satu ketaatan kepada agama serta pendidikan akhlak yang baik yang telah ditonjolkan di dalam filem ini.

4.1.6 Menghormati Orang Tua

Menghormati orang tua merupakan perkara yang wajib dilakukan oleh seorang anak kepada ibu bapa sebagai tanda menghargai, mentaati dan menghormati mereka kerana sudah bersusah payah dalam merawat dan membesarkan anaknya sehingga menjadi seorang insan yang berakhlak. Menurut Dr. Rose Mini (2011) ibu bapa sudah pasti akan memberikan yang terbaik untuk anaknya dari segi pendidikan, agama, ekonomi, kesihatan dan sebagainya agar anak dapat membesar dalam suasana yang selesa dan bahagia. Oleh hal yang demikian, sebagai seorang anak kita sudah seharusnya untuk berbakti kepada orang tua dengan mendengar cakap mereka, menjaga perasaan dan berkelakuan baik terhadap mereka.

Sikap menghormati orang tua di dalam filem *Bisik Pada Langit* ditonjolkan pada minit ke 13:39 di mana abang sulung Hajar dan adik Hajar mencium tangan ibu dan bapa mereka setelah selesai melaksanakan solat.



Gambar 5: Tangkap Layar Filem Bisik Pada Langit yang memperlihatkan menghormati orang tua
(Sumber: Filem Bisik Pada Langit, 2017, minit 13:39)

Berdasarkan gambar 5 di atas jelas menunjukkan di mana seorang anak menghormati bapa dengan mencium tangan sebagai tanda hormat, patuh dan taat kepada mereka. Menghormati orang tua merupakan kewajipan seorang anak yang mana perlu untuk menciptakan hubungan yang baik agar dapat menciptakan sebuah keluarga yang harmoni dan berkasih sayang apabila mengetahui betapa pentingnya anak hormat kepada ibu bapa. Filem *Bisik Pada Langit* melalui watak Zaidi dan Iqram menunjukkan sifat menghormati orang tua melalui mencium tangan ibu bapa setelah selesai melaksanakan solat. Oleh itu, akhlak menghormati orang tua merupakan pendidikan akhlak yang baik yang terdapat di dalam filem ini.

4.1.7 Pengorbanan

Pengorbanan merupakan sebuah sifat dan tindakan yang sangat mulia dan merupakan salah satu bentuk ibadah. Menurut Mohd Fahmi Mohd Yusuf (2017) pengorbanan menurut tokoh Islam iaitu as-Syahid Imam Hassan al-Banna adalah *tadhiyah* yang bermaksud berkorban di mana memberikan segalanya untuk mencapai matlamat. Pengorbanan memerlukan keikhlasan dan keredhaan dalam mengorbankan masa,

tenaga, wang ringgit dan kasih sayang agar keinginan serta hajat seseorang dalam mencapai impiannya. Pengorbanan dapat dilihat dari pelbagai aspek di antaranya pengorbanan seorang abang untuk adiknya, pengorbanan seorang anak untuk ibu bapa dan pengorbanan manusia sebagai makhluk tuhan. Pengorbanan memerlukan seseorang untuk mempertaruhkan sesuatu yang bermanfaat dan berharga demi orang lain seperti mempertaruhkan tenaga dan kehidupan untuk mencari rezeki demi keluarga serta meninggalkan pekerjaan yang memberi gaji yang lumayan demi menjaga ibu bapa yang sakit.

Melalui filem bisik pada langit pengorbanan dapat dilihat pada minit ke 27.29 sehingga minit 28.31 melalui perbualan di antara Zaidi dan Ikram mengenai pengorbanan yang telah dilakukan oleh Zaidi iaitu abang sulung kepada Hajar. Perbualan Zaidi dan Ikram adalah seperti berikut:

Zaidi:Hajar koma Ikram.

Ikram:Tahulah,tapi tak ada cara lain ke bang.

Zaidi:la..nanti abang mintak dengan bos abang,advance..
kalau dapat nanti,abang..

Ikram:Bang,apa benda ni bang...abang nk
berkorban lagi?Eh,dah...dah la bang...daripada
dulu sampai sekarang.Abang je nak berkorban,
daripada ayah sakit dulu,ha,abang tak dapat
sambung belajar,sampai ayah sihat ni.Hajar
dapat pergi belajar dulu,takkan sampai gaji
abang yang ciput ni pun abang nak korbankan
jugak.

Zaidi:Dengar ni ye.Tak payah nak ungit hal lama,
abang redha dengan rezeki abang takat ni.

Iqram: Redha memang redha bang. Masalahnya bang, abang pun ada cita-cita jugak kan, abang tolonglah bang...sekali je tolong fikir pasal diri abang tu, apa nak jadi dengan cita-cita abang, ha, nak sambung belajar bila Hajar balik nanti. Baik macam ni bang, abang simpan je advance abang tu. Abang guna bila abang nak sambung belajar.

(Filem Bisik Pada Langit, 2017)

Berdasarkan dialog di atas jelas menunjukkan pengorbanan dapat dilihat melalui watak seorang abang yang sanggup melupakan hasratnya untuk menyambung pengajian demi membantu bapanya yang sakit dan memastikan impian adik perempuannya iaitu Hajar untuk menyambung pengajian di Australia dapat direalisasikan. Pengorbanan yang dilakukan oleh Zaidi bukanlah perkara yang mudah. Hal ini dikatakan demikian kerana, tidak ramai orang yang mahu mengorbankan kehidupannya demi kegembiraan orang lain akan tetapi Zaidi sanggup berkorban kerana kasih sayang, empati dan kebersamaan serta ikatan persaudaraan membolehkannya untuk melakukan pengorbanan terhadap adiknya Hajar. Melakukan pengorbanan memerlukan kesediaan dan keredhaan untuk memberikan sokongan di samping dapat menguatkan hubungan antara ahli keluarga dan masyarakat. Pengorbanan merupakan sebuah akhlak yang baik terutamanya sekiranya pengorbanan dilakukan untuk kepentingan di dalam hubungan kekeluargaan.

4.1.8 Menjaga Kehormatan Diri

Menjaga kehormatan diri merupakan perkara yang sangat penting bagi mengelakkan berlakunya perkara yang boleh merosakkan akidah dan akhlak seseorang. Agama Islam menegaskan agar setiap penganutnya menjaga kehormatan diri atau *Iffah* merupakan perkara yang wajib dijaga oleh umatnya. Menurut Yulaifatul Mahbubah (2020) *Iffah* bermaksud tidak melakukan perbuatan yang keji dan menjaga kesucian diri di mana mampu menggunakan akal yang sihat dalam mengendalikan serta menahan nafsu daripada melakukan perkara maksiat dan perkara yang dilarang oleh agama. Menjaga kehormatan diri merangkumi aspek menundukkan pandangan, berpakaian menutup aurat dan memelihara kehormatan.

Melalui filem *Bisik Pada Langit* menjaga kehormatan diri dilihat pada watak Siti Hajar di mana beliau memakai pakaian yang menurut syariat agama. Hal ini kerana, berpakaian menurut syariat agama adalah menutup keseluruhan tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan bagi wanita manakala cara berpakaian bagi lelaki adalah pusat sehingga paras lutut.



Gambar 6: Tangkap Layar Filem *Bisik Pada Langit* yang memperlihatkan menjaga kehormatan diri.
(Sumber: Filem *Bisik Pada Langit*, 2017)

Berdasarkan gambar 6 di atas jelas menunjukkan di mana kehormatan diri dijaga oleh Siti Hajar di mana menutup aurat dengan sempurna bagi kaum wanita. Sikap dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh Siti Hajar dengan berpakaian menutup aurat menunjukkan bahawa beliau sangat menjaga maruah dan martabat diri daripada dilihat oleh lelaki ajnabi iaitu lelaki yang bukan mahram bagi beliau. Menjaga kehormatan diri merupakan usaha dan tanggungjawab diri sendiri dalam mengikut perintah dan syariat yang telah ditetapkan oleh agama Islam. Oleh itu, menjaga kehormatan diri merupakan bentuk pendidikan akhlak yang baik yang terdapat di dalam filem ini.

4.2 Teori Psikologi Behaviourisme Menurut B.F.Skinner

4.2.1 Pelaziman Operan

Pelaziman operan merupakan bentuk pembelajaran yang melibatkan kaitan antara perilaku individu dan akibat. B.F Skinner menyatakan bahawa perilaku dapat diubah melalui akibat yang mengikuti perilaku tersebut. Hal ini kerana, tingkah laku manusia merujuk kepada kecenderungan atau keinginan untuk bertindak dengan cara yang tertentu. B.F Skinner melalui eksperimen Kotak Skinner menyatakan tingkah laku seseorang dapat dikawal berasaskan kepada motivasi sendiri dan akibat daripada tindakan sebelumnya. B.F Skinner membahagikan tingkah laku manusia kepada dua kategori iaitu tingkah laku responden yang merupakan tingkah laku hasil rangsangan terhadap alam sekitar dan kedua tingkah laku operan yang merupakan hasil rangsangan yang dihasilkan oleh diri sendiri. Menurut Zhou dan

Brown (2017) tingkah laku operan mempunyai dua faktor iaitu peneguhan positif dan peneguhan negatif.

a) Peneguhan Positif

Peneguhan positif ialah memberi ganjaran selepas melaksanakan suatu tingkah laku yang positif sehingga mendorong untuk mengulangi perbuatan tersebut (McLeod, 2015). Sebagai contoh, apabila mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan sudah pasti ganjaran hadiah akan diberikan sehingga menyebabkan individu tersebut bersemangat untuk mendapatkan keputusan cemerlang lagi pada peperiksaan yang akan datang. Peneguhan positif termasuk pujian, ganjaran, hadiah, dan lain-lain. Pujian adalah penting kerana mampu mendorong seseorang untuk berusaha agar dapat memperoleh kejayaan pada masa hadapan. Menurut Brophy (1981), ciri-ciri pujian (peneguhan positif) yang mampu memberi kesan ialah memberi pujian dengan ikhlas, tanpa memilih kasih, secara spontan dan memberi pujian atas tingkah laku serta usaha yang dilakukan oleh seseorang individu tersebut. Oleh itu, melalui peneguhan positif akhlak seseorang individu boleh berubah di mana ingin sentiasa melakukan kebaikan supaya dapat memperoleh ganjaran dan pujian daripada orang ramai.

b) Peneguhan negatif

Peneguhan negatif ialah tindakan serta merta yang akan dilakukan kerana kurang selesa atau dikenakan hukuman kerana berkelakuan negatif atau tidak baik dan bertujuan untuk

menguatkan tingkah laku positif (Zhou dan Brown, 2017). Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila seseorang yang melakukan kesalahan dan ditegur sudah pasti individu tersebut akan membaiki serta tidak melakukan kesilapan tersebut. Hal ini turut disokong oleh (Khalim Zainal, 2008) peneguhan negatif ialah perbuatan yang menyebabkan sesuatu yang buruk tetapi kesannya menghasilkan sesuatu yang baik. Sebagai contoh, seorang ayah memarahi anaknya kerana tidak menunaikan solat yang merupakan kewajipan untuk taat kepada Tuhan, disebabkan takut kepada ayah serta tidak mahu dipukul atau berdosa jadi sudah pasti anak tersebut akan menunaikan solat. Peneguhan boleh dilakukan secara konsisten sehingga mampu untuk mengubah seseorang individu agar mampu untuk berakhlak yang baik.

Oleh itu, pelaziman operan merupakan teori psikologi behaviourisme yang mampu untuk menentukan akhlak seseorang serta mampu mengubah seseorang untuk menjadi lebih baik daripada sesuatu tindakan yang dilakukan. Filem yang memaparkan tentang akhlak yang baik mampu untuk memberi didikan, pengajaran dan contoh teladan kepada masyarakat terutamanya ibu bapa dalam memberikan pujian dan hadiah apabila melakukan perkara kebaikan seperti menghormati orang tua serta cepat bertindak apabila disuruh kerana anak-anak muda sering didedahkan dengan filem-filem yang memaparkan babak tersebut dan mereka akan lebih bersemangat dan mendorong untuk sentiasa berbuat kebaikan.

4.2.2 Membentuk Tingkah Laku Operan (Shaping Operant Behaviour)

Menurut Hamzah Bin Uno (2023) pembentukan tingkah laku atau shapping merupakan tindakan dalam memberikan peneguhan kepada tindakan lain yang membawa kepada tindakan yang ingin dibentuk. Melalui eksperimen Skinner iaitu Kotak Skinner tikus yang lapar di dalam kotak secara tidak sengaja menekan tuas dan makanan keluar, tindakan ini lambat laun memberi tikus rangsangan dan tindakan bahawa menekan tuas akan menyebabkan makanan keluar. Hal ini berlaku, kerana tingkah laku yang tikus lakukan di mana mendekati kawasan tuas terlebih dahulu sebelum menekan tuas. Proses langkah demi langkah ini, di mana tindak balas lain yang lebih hampir dengan tindak balas yang diperkukuh dan kemudian digantikan dengan tindak balas yang diharapkan.

Melalui eksperimen B. F. Skinner pendekatan tersebut juga boleh di ambil untuk membentuk akhlak seseorang di mana membiasakan diri untuk menonton filem-filem yang mampu memberi nilai-nilai yang positif berbanding menonton filem-filem yang tidak elok untuk dipertontonkan seperti aksi mahupun cinta yang mana akan merosakkan akidah serta akhlak individu. Hal ini kerana, melalui filem individu mampu untuk mengaplikasikan perkara yang dilihat pada kehidupan sehariannya dan akan terbiasa untuk bertindak seperti apa yang dilihat. Sebagai contoh, seperti filem bisik pada langit yang mempunyai akhlak yang baik seperti menjaga batas pergaulan dan menjaga kehormatan mampu untuk diaplikasikan dalam minda masyarakat agar sentiasa menjaga diri daripada terjebak dengan perkara

yang dilarang di dalam agama Islam. Hal ini kerana, apabila melakukan perkara yang dilarang kita dapat mengetahui bahawa sesuatu musibah akan berlaku. Melalui tingkah laku operan ini ianya mampu untuk membentuk semula tingkah laku masyarakat untuk sentiasa berakhlak mulia dalam kehidupan.

Oleh itu, membentuk tingkah laku operan merupakan teori psikologi behaviourisme yang mampu untuk memberi pendidikan akhlak yang baik kepada seseorang kerana memerlukan suatu tindakan yang dapat mendorong atau memberi semangat untuk melakukan kebaikan.

4.2.3 Persekitaran Mengawal

Menurut B.F Skinner persekitaran mengawal berperanan dalam membentuk tingkah laku. Skinner menyatakan bahawa tingkah laku seseorang individu boleh dijelaskan dan difahami dengan memberi perhatian kepada bagaimana persekitaran mengukuhkan atau menghukum tingkah laku tersebut. Hal ini kerana, seseorang boleh menjadikan faktor persekitaran dalam menentukan akhlak kerana sebelum membuat suatu keputusan segala perkara perlu difikirkan kerana keputusan tersebut akan mempengaruhi kehidupan. Hal ini disebabkan tidak semua orang bebas dalam menjalankan tanggungjawab dan manusia menjalani kehidupan di mana mereka sentiasa berhadapan dengan keputusan yang mempunyai akibat. Oleh yang demikian pilihan yang baik perlu untuk difikirkan kerana akan menentukan masa depan.

Menurut Ahmadi, 2015 faktor yang menentukan tingkah laku (behaviorisme) adalah pembelajaran melalui persekitaran. Hal ini kerana, kebiasaannya tingkah laku dapat ditentukan melalui stimulus dalam persekitaran. Stimulus merupakan satu bentuk rangsangan yang biasanya berlaku di dalam badan manusia dan seterusnya hasil daripada rangsangan akan terjadinya tindak balas kepada badan. Tindak balas merupakan rangsangan kepada diri seseorang selepas menerima stimulus. Sebagai contoh, apabila seseorang yang sering terdedah dengan pendidikan akhlak yang baik sudah pasti akan sentiasa berkelakuan baik di mana suka membantu orang yang kesusahan. Hal ini bertepatan dengan persekitaran mengawal di mana pembentukan tingkah laku manusia ialah pemilihan semula jadi, amalan dan sejarah seseorang itu. Apabila diri seseorang menerima stimulasi atau rangsangan itu secara berterusan sudah pasti respon boleh diperkukuhkan.

Filem merupakan faktor yang mampu untuk menentukan tingkah laku masyarakat. Hal ini kerana, filem merupakan antara media yang sering dipilih oleh masyarakat untuk ditonton ketika masa lapang. Melalui filem masyarakat akan mempelajari sesuatu sama ada buruk mahupun baik bergantung kepada filem yang ditonton. Oleh hal yang demikian, filem-filem yang memperlihatkan pendidikan akhlak yang baik sangat diperlukan bagi memastikan tingkah laku masyarakat tidak rosak dengan menonton filem-filem yang membawa kepada akhlak yang buruk seperti filem aksi yang sering menunjukkan babak pergaduhan. Filem seperti *Bisik Pada Langit* melalui watak Hajar yang

berpakaian menutup aurat dan mengikut ajaran agama telah ditonjolkan di dalam filem tersebut mampu untuk ditiru oleh masyarakat. Oleh itu, filem yang memaparkan tentang kehidupan berlandaskan Islamik sangat diperlukan untuk mendidik akhlak masyarakat menjadi lebih baik, berperilaku seperti orang yang mempunyai pegangan agama dan mengikut ajaran agama yang telah dianjurkan seperti melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan.

Oleh itu, persekitaran mengawal merupakan teori psikologi behaviourisme yang mampu untuk memberi pendidikan akhlak yang baik kepada seseorang kerana faktor persekitaran mampu untuk mendidik dan mengajar seseorang untuk berkelakuan baik. Filem yang memaparkan tentang budaya dan amalan yang baik mampu memberi pengaruh psikologi kepada penonton terutamanya golongan remaja agar sentiasa melihat persekitaran mereka dan prihatin terhadap orang lain. Secara tidak langsung persekitaran mengawal mampu untuk mendidik, mengajar dan memberikan pengajaran untuk bertindak dengan betul kerana apabila salah dalam bertindak sudah pasti akan menerima balasan yang buruk seperti hukuman dan tindakan undang-undang.

4.2.4 Emosi

Menurut B.F Skinner emosi adalah contoh terbaik kerana karya-karya fiksyen merupakan karya yang biasanya disifatkan sebagai tingkah laku. Hal ini kerana, karya fiksyen merupakan karya yang dihasilkan melalui imaginasi, khayalan mahupun cerita sebenar yang mana akan melibatkan tingkah laku yang dilakukan oleh seseorang itu. Sebagai contoh, tingkah laku berlari kerana psikologi kita mempunyai rasa takut, menyerang kerana takut dan tertekan kerana sedih. B.F.Skinner melihat ekspresi emosi sebagai satu bentuk tingkah laku. Hal ini kerana, ekspresi muka, pergerakan badan dan tingkah laku yang berkaitan dengan emosi dapat dianggap sebagai bentuk tingkah laku yang boleh diperhatikan dan dianalisis. Hal ini secara tidak langsung mampu untuk mempengaruhi psikologi masyarakat dan dapat merangsang seseorang untuk menangani masalah dan isu tersebut.

Melalui filem *Bisik Pada Langit* menerusi watak Zaidi dapat dilihat di mana ekspresi muka yang ditunjukkan adalah perasaan marah akan tetapi masih perlu untuk mengawal kerana menasihati orang yang lebih tua. Ekpresi muka yang ditunjukkan merupakan salah satu bentuk emosi dan tingkah laku yang diambil disebabkan kejadian yang berlaku di mana terjadi pertengkaran dan Zaidi perlu untuk meleraikan masalah tersebut akan tetapi perlu untuk menjaga adab kerana ingin menasihati bapa yang sedang marah. Emosi yang ditunjukkan di dalam filem ini mampu untuk mempengaruhi masyarakat untuk bertindak dan meluahkan perasaan mahupun ketidakpuasan dengan cara yang betul.



Gambar 7: Tangkap Layar Filem Bisik Pada Langit yang memperlihatkan pendekatan emosi oleh watak Zaidi. (Sumber: Filem Bisik Pada Langit, 2017, minit 10:05)

Skinner juga menyatakan bahawa bidang motivasi dan emosi adalah sangat rapat. Sebarang kekurangan yang berlebihan akan bertindak sebagai operasi emosi. Sebagai contoh, lelaki kelaparan hampir semestinya kecewa dan takut. Nostalgia merangkumi kedua-dua dorongan dan emosi. Jika kita mengeluarkan seorang lelaki dari persekitaran cirinya, sebahagian besar tingkah laku sosialnya tidak boleh dipancarkan dan berkemungkinan dia akan kembali ke persekitaran lamanya apabila mungkin dan akan menjadi terutamanya "bergaul" apabila dia berbuat demikian. Bahagian lain dari tingkah lakunya menjadi kuat kerana ia secara automatik diperkukuh di bawah kekurangan yang berlaku; dia akan bercakap dengan sesiapa sahaja yang mahu mendengar tentang persekitaran lamanya, kawan lamanya, dan apa dia pernah buat. Ini semua adalah akibat daripada kekurangan. Tetapi nostalgia juga merupakan satu keadaan emosi di mana terdapat kelemahan umum bentuk tingkah laku lain— sebuah "kemurungan," yang mungkin agak mendalam. Kita tidak boleh mengklasifikasikan ini sebagai akibat daripada kekurangan kerana tingkah laku yang terjejas

oleh itu tidak dihalang secara khusus. Perbezaan seperti ini mungkin kelihatan sedikit dipaksa, tetapi ia berbaloi untuk dibuat bila-bila masa kita berada berminat untuk memahami atau mengubah keadaan tersebut.

Oleh itu, emosi merupakan teori psikologi behaviourisme yang mampu untuk memberi pendidikan akhlak yang baik kepada seseorang kerana melihat filem yang memaparkan tentang sopan santun terhadap orang yang lebih tua mampu memberi pengajaran terutamanya kepada golongan muda. Hal ini kerana, golongan muda pada arus kemodenan ini sudah tidak mempunyai rasa sopan santun seperti golongan muda pada masa dahulu di mana kita dapat melihat mereka lebih gemar bermain gajet apabila berbual dengan ibu bapa mereka. Penghasilan filem yang memaparkan akhlak yang baik sangat penting bagi mempengaruhi emosi seseorang untuk menjadi lebih baik dan bertingkah laku sesuai dengan apa yang dilihat.

4.2.5 Hukuman


Hukuman merupakan teknik kawalan yang biasa dalam kehidupan moden. Hal ini kerana sekiranya seseorang melakukan kesalahan hukuman boleh dilakukan sama ada denda, sebat atau penjara berdasarkan sistem undang-undang dan kesalahan yang dilakukan. Hukuman sebagai teknik kawalan nampaknya terhad hanya dengan sejauh mana kita boleh memperoleh kuasa yang diperlukan. Ini semua disengajakan untuk mengurangkan kecenderungan berkelakuan dengan cara tertentu. Hukuman adalah direka untuk meruntuhkan

mereka kerana hukuman boleh menyebabkan kesan sampingan seperti cemburu, takut dan kekasaran. Oleh itu hukuman perlu dirancang dengan teliti dan bukan akibat tingkah spontan.

Hukuman boleh digunakan untuk memberikan didikan, pengajaran dan mengajar ke arah kebaikan. Hal ini kerana, apabila seseorang yang melakukan kesalahan seperti mengambil dadah, membunuh, mencuri atau pencabulan boleh dikenakan hukuman yang berat agar kesalahan tersebut tidak berani untuk diulangi serta memberi kesan kepada psikologi masyarakat terutamanya golongan muda tentang kesan daripada kesalahan tingkah laku yang dilakukan. Hukuman yang diberikan perlulah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan agar masyarakat tidak akan bersuara dan menyerang disebabkan tindakan yang diberikan tidak tepat dan benar kerana berkemungkinan orang tersebut merupakan kenalan dan berpangkat. Oleh itu, hukuman boleh menyedarkan masyarakat atau membolehkan masyarakat untuk melakukan kesalahan yang sama sekiranya hukuman yang diberikan spontan dan tidak mengikut undang-undang.

Melalui filem *bisik pada langit* hukuman dapat dilihat di mana Wak Rosli sebagai bapa menampar anaknya Iqram yang bercakap buruk tentang kakaknya Hajar. Hukuman yang diberikan Wak Rosli kepada Iqram merupakan salah satu cara untuk menyedarkan Iqram agar berfikir dahulu sebelum bercakap apalagi bercakap perkara yang tidak benar kesahihannya. Hal ini kerana, bercakap perkara yang tidak benar akan menimbulkan fitnah dan menyebabkan kemarahan

terutamanya kepada ibu bapa yang membesarkan dan mendidik anak tersebut.



Gambar 8: Tangkap Layar Filem Bisik Pada Langit yang memperlihatkan hukuman yang diberikan oleh Wak Rosli kepada Iqram.

(Sumber: Filem Bisik Pada Langit, 2017, minit 18:08)

Oleh itu, hukuman merupakan teori psikologi behaviourisme yang mampu untuk memberi pendidikan akhlak yang baik kepada seseorang sekiranya hukuman yang diberikan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Penghasilan filem yang memaparkan tentang pemberian hukuman merupakan filem yang mampu untuk memberi pengaruh kepada sikap dan tingkah laku masyarakat untuk sentiasa berjaga-jaga dan berakhlak baik kerana bimbang akan hukuman yang mana sudah pasti memberi gambaran perasaan sekiranya berada di dalam penjara.

4.3 Fungsi Filem

4.3.1 Filem berfungsi dalam menyampaikan maklumat

Filem merupakan imej yang terhasil dalam bentuk visual bergerak yang ditayangkan pada skrin atau pawagam yang mengandungi unsur-unsur penceritaan yang mana disampaikan melalui dialog, visual dan bunyi serta dirakamkan menggunakan kamera

dengan mewujudkan watak-watak-perwatakan dalam menyampaikan sesuatu perkara (Asiah Sarji, Faridah Ibrahim dan Mazni Buyung, 1996:5). Hal ini dikatakan demikian kerana, penghasilan sesebuah filem sudah pasti mempunyai matlamat dan kepentingannya tersendiri apabila ditayangkan di panggung atau televisyen.

Filem terbahagi kepada beberapa jenis iaitu filem cereka, filem animasi, filem dokumentari, filem aksi, filem kekeluargaan dan sebagainya. Filem yang menjadi pilihan ramai dan popular merupakan filem berbentuk cereka kerana kebanyakan filem tersebut mempunyai unsur hiburan serta dekat dengan hati dan jiwa masyarakat. Hal ini dapat dilihat di mana di Malaysia filem yang mendapat kutipan tertinggi merupakan filem Mat Kilau menurut Filem Nasional Malaysia (Finas) yang telah mendapat kutipan kasar sebanyak RM84.92 juta serta telah mendapat perhatian masyarakat kerana merupakan sejarah kehidupan seorang pahlawan yang mana telah dekat dengan hati masyarakat.

Menurut Juliana dan Mahyuddin, (2009) menyatakan filem dilihat sebagai medium untuk mencari jalan dalam memberi makna kepada masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, filem menjadi kegemaran pelbagai lapisan masyarakat tidak mengira umur, bangsa dan agama serta filem merupakan elemen hiburan yang mampu menyampaikan mesej dan idea kepada penonton. Hal ini dapat dilihat di mana saban tahun pelbagai genre filem yang dihasilkan dapat menepati cita rasa dan menjadi kegemaran ramai kerana mempunyai peminatnya yang tersendiri. Misalnya, dapat dilihat di mana pada tahun

2022 filem Mat Kilau telah mendapat sambutan yang sangat baik daripada orang ramai. Hal ini disebabkan jalan penceritaan yang dipaparkan sangat memberi makna dan memberi pemahaman serta pengajaran kepada masyarakat tentang pahlawan yang berjuang dalam mempertahankan negara.

Filem merupakan media komunikasi yang berperanan sebagai wadah untuk menyampaikan, mengajar dan mendidik ke arah kebaikan serta kebenaran. Hal ini dikatakan demikian kerana, mesej-mesej yang terdapat dalam setiap babak filem mampu memberi kesan dalam jiwa penonton sehingga menyebabkan mesej yang disampaikan dapat membentuk akhlak serta menginsafi diri untuk berbuat kebaikan ini disokong oleh (Dusuki, 2011) yang menyatakan filem dan drama merupakan faktor yang cukup berkesan dalam memberi kesedaran dan keinsafan kepada masyarakat.

Filem *Bisik Pada Langit* merupakan antara filem yang baik dalam menyampaikan mesej dan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana, babak-babak yang terdapat di dalam filem telah menonjolkan imej yang melambangkan masyarakat Melayu yang hidup berlandaskan agama Islam. Hal ini dapat dilihat di mana masyarakatnya melaksanakan ibadah, menghormati orang tua, bercakap secara sopan santun, bantu-membantu, bekerjasama dan sebagainya apabila berlaku sesuatu masalah. Filem tersebut mampu memberi pengaruh kepada penonton untuk lebih mengingati tuhan dan mengikuti ajaran yang telah dianjurkan.

Oleh itu, jelaslah bahawa filem berfungsi dalam menyampaikan maklumat yang mampu untuk memberikan kesedaran dan mendidik masyarakat untuk melakukan perkara yang baik kerana filem merupakan medium yang sangat berkesan kerana masyarakat memilih filem sebagai medium hiburan sehingga setiap tahun filem mendapat sambutan yang sangat baik daripada masyarakat.

4.3.2 Filem cerminan budaya

Menurut Naim Haji Ahmad (1995) filem merupakan cerminan budaya yang mana menunjukkan gambaran atau realiti sebenar mengenai kehidupan untuk ditunjukkan kepada masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan filem yang dihasilkan merupakan cetusan idea dan pengalaman yang dilalui oleh seseorang kemudian dihasilkan secara visual untuk dipaparkan kepada masyarakat melalui pengisian naratif dan kinematik yang mana untuk diamati, dicerna, ditafsir, dibaca dan masyarakat dapat mengambil iktibar serta pengajaran daripada maklumat yang disampaikan.

Filem merupakan satu bidang seni yang mencipta atau menghasilkan filem untuk menarik minat penonton dan memberi impak kepada masyarakat melalui jalan penceritaan dan plot yang dibawa di dalam sesebuah karya filem (Rosmawati Mohamad Rasit dan Azimah Misrom, 2011). Hal ini kerana, filem muncul disebabkan budaya teknologi yang muncul pada akhir abad ke-19 telah memberi kesan secara mendalam kepada pengeluaran filem, organisasi dan penonton pada ketika itu yang mana kesan yang dirasai berbeza berdasarkan tema,

plot dan latar tempat filem yang dihasilkan (Janet, 2002). Hal ini menyebabkan masyarakat boleh memilih genre filem yang mereka gemari dan pengeluar atau organisasi juga akan menghasilkan filem yang mendapat banyak permintaan tidak kira genre filem keagamaan, dokumentari atau percintaan akan tetapi filem yang dihasilkan dan ditonton yang dapat memberi pengaruh kepada penonton merupakan filem yang baik kerana membolehkan masyarakat berfikir di mana melibatkan aspek psikologi dan kajian budaya untuk berfikir.

Menurut Rosmawati Mohamad Rasit dan Azimah Misrom (2011), filem berperanan dalam memasukkan unsur moral dan etika bukan sekedar untuk memperoleh keuntungan sahaja tanpa memasukkan nilai-nilai yang mampu memberikan pengajaran khususnya agama Islam yang merupakan agama rasmi di Malaysia. Hal ini kerana, kebanyakan filem di Malaysia yang menunjukkan aspek keagamaan sangat kurang dihasilkan kerana permintaan daripada masyarakat yang sangat menggemari filem yang bersifat percintaan dan aksi (Azimah Misron dan Rosmawati Mohamad Rasit, 2016). Hal ini secara tidak langsung menyebabkan jalan penceritaan yang menunjukkan babak percintaan yang dipaparkan menjadi ikutan kepada masyarakat untuk dicontohi. Hal ini menyebabkan akhlak masyarakat mudah terpesong sekiranya filem yang dihasilkan tidak memberi manfaat kepada penonton kerana tiadanya aspek nilai-nilai yang dapat memberi pengajaran. Oleh yang demikian, filem yang memberi dakwah perlulah diperbanyakkan agar dapat memberikan kesedaran masyarakat tentang pentingnya mengikut perintah agama.

Nur Hazriani dan Rosmawati, 2014 filem berfungsi dalam memberikan dakwah perlu memenuhi garis panduan syariah yang telah ditetapkan serta memperlihatkan kepada keseluruhan aspek dalam kehidupan seperti akhlak, akidah dan amalan yang memaparkan peribadi yang baik. Hal ini kerana, filem yang memaparkan mengenai dakwah secara tidak langsung memaparkan gambaran realiti serta memperkenalkan nilai-nilai budaya kehidupan masyarakat Melayu yang perlu diamalkan oleh setiap individu yang beragama Islam. Dakwah merupakan anjuran untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan keburukan iaitu amar makruf nafi mungkar (Abdul Ghafar, 2008). Filem yang mampu menghubungkan keseronokan dan dakwah pernah hangat diperbincangkan oleh para akademik dan masyarakat kerana perlu menentukan sasaran penonton yang mana dapat menentukan keberkesanan penghasilan filem tersebut (Mustafa, 2010).

Filem *Bisik Pada Langit* memperlihatkan cerminan budaya masyarakat Melayu yang mengamalkan ajaran Islam menerusi watak-watak yang dilakonkan. Hal ini dapat dilihat di mana ajaran Islam yang diamalkan di dalam filem tersebut adalah membaca Al-Quran, berpakaian menutup aurat, menunaikan ibadah solat dan melakukan kebaikan terhadap orang tua. Menerusi filem ini dapat dilihat gambaran seorang bapa yang bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan akhlak yang baik kepada keluarganya. Wak Rosli telah memberikan cerminan budaya kepada penonton di mana menunjukkan tanggungjawabnya dengan mengajar anaknya membaca Al-Quran sejak

kecil. Membaca Al-Quran penting dalam kehidupan masyarakat kerana di dalamnya terkandung perkara-perkara yang mampu dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan.

Oleh itu, jelaslah bahawa penghasilan filem yang baik merupakan filem yang mampu memberi impak kepada masyarakat dan menunjukkan gambaran cerminan budaya masyarakat yang suka akan perkara yang melibatkan aspek percintaan, kekeluargaan dan aksi yang mana membolehkan mereka untuk berfikir dan merasai perasaan yang sama di dalam cerita kerana setiap individu sudah pasti memiliki emosi dan psikologi yang cerdas dalam mendalami penceritaan sesebuah filem.

4.3.3 Watak dalam filem sebagai ‘role model’

Menurut Rohani Hashim (1999) filem memberi impak yang besar kepada kehidupan manusia kerana filem telah menjadi medium seni yang paling popular sejak penubuhannya 100 tahun lalu. Filem boleh mempengaruhi cara seseorang berfikir dan berkelakuan kerana filem mempengaruhi individu melalui faktor yang terdapat dalam kandungan filem tersebut seperti watak utama dalam filem. Hal ini dapat dilihat dimana sesuatu ketika dahulu ramai masyarakat terutamanya anak muda yang mengidolakan Allahyarham P.Ramlee sehingga ingin menjadi seperti beliau daripada segi cara berpakaian, bercakap dan bernyanyi kerana pada ketika itu beliau sangat terkenal dan hebat dalam melakonkan sesuatu watak. Perkara ini juga terjadi sehingga kini apabila sebuah cerita yang meletup yang dilakonkan oleh

seorang pelakon akan menjadikan pelakon tersebut sebagai role model kepada peminatnya.

Sebuah filem yang ditayangkan dan dihasilkan mempunyai matlamat yang tersendiri daripada pengarah dan penerbitnya sama ada tujuannya memberikan kesan positif mahupun negatif kepada masyarakat melalui para pelakon. Lakonan yang meninggalkan kesan positif seperti menjaga pandangan, menjaga batas pergaulan, menjaga kehormatan diri dan taat kepada agama mampu untuk mendidik diri masyarakat ke arah kebaikan. Lakonan seumpama ini sangat sesuai untuk ditonton oleh setiap lapisan masyarakat tidak kira umur, bangsa dan agama kerana sudah pasti setiap orang ingin menjadi orang yang baik terutamanya apabila watak-watak ini dilakonkan oleh bintang terkenal dan sesuai dengan sifat peribadinya yang begitu baik dan terpuji.

Kebanyakan masyarakat menjadikan aktiviti menonton filem sebagai tempat melarikan diri daripada kehidupan realiti yang bermasalah, tekanan dan kebosanan. Menonton filem mampu memberikan penonton hiburan dan melupakan seketika masalah yang dihadapi kerana akan memberikan fokus untuk melihat pelakon dan watak yang terdapat dalam sesebuah filem. Hal ini secara tidak langsung membolehkan penonton untuk menyelami dan merasai emosi watak sama ada ketawa, menangis, bersorak atau bersemangat bersama mereka (Rohani Hashim, 1999). Filem yang menampilkan tentang cerminan budaya masyarakat yang berakhlak dan beragama merupakan filem yang kebanyakannya ditunjukkan di dalam filem hasil

Allahyarham Tan Sri P.Ramlee. Filem yang dihasilkan oleh beliau sangat berkualiti dan masih mendapat permintaan yang tinggi daripada masyarakat tidak mengira umur dan bangsa serta masih segar di dalam ingatan masyarakat. Sifat yang ditonjolkan oleh Tan Sri P. Ramlee sangat menyerlah sehingga ramai individu yang menjadikannya tokoh dan role model dalam industri perfileman.

Filem *Bisik Pada Langit* menerusi watak Siti Hajar yang berpakaian menutup aurat berlandaskan agama Islam mampu untuk dijadikan sebagai role model oleh masyarakat dalam berpakaian menutup aurat yang telah dianjurkan di dalam agama. Hal ini kerana, cara pemakaian yang menutup aurat dapat memberikan gambaran kepada masyarakat bahawa sekiranya menutup aurat dengan sempurna akhlakunya juga pasti akan baik mengikut ajaran yang telah ditetapkan oleh agama serta apabila dilihat mampu untuk memberikan ketenangan untuk ditonton. Apabila pelakon mengenakan pakaian yang terbuka sudah pasti akan menimbulkan rasa janggal kepada penonton untuk melihat perkara yang tidak sepatutnya sehingga mampu untuk menimbulkan syahwat. Oleh hal yang demikian, filem yang menggunakan pelakon wanita perlu dipastikan bahawa ianya tidak menimbulkan perkara yang boleh membawa kepada keburukan.

Oleh itu, jelaslah bahawa filem yang baik merupakan filem yang mampu memberi impak kepada masyarakat merupakan filem yang memperlihatkan tentang hukum agama, penggunaan bahasa yang sopan dan mengenakan pakaian yang sesuai dengan watak kerana watak yang dilakonkan oleh seseorang pelakon boleh mempengaruhi

tingkah laku masyarakat untuk menjadi seperti pelakon tersebut kerana pelakon merupakan role model atau contoh teladan kepada peminatnya.

4.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, filem bisik pada langit mempunyai konsep pendidikan akhlak yang boleh untuk dicontohi oleh masyarakat. Hal ini kerana, filem tersebut boleh menggunakan teori psikologi behaviourisme untuk menentukan akhlak dan tingkah laku seseorang. Hal ini kerana, apabila melakukan kesalahan hukuman akan diberikan supaya dapat mendorong masyarakat terutamanya golongan remaja untuk sentiasa menjaga tingkah laku mereka. Filem merupakan medium yang mampu memberikan pengajaran, didikan dan contoh teladan kepada masyarakat kerana memberi kesan psikologi terhadap penonton. Oleh itu, filem-filem yang memaparkan akhlak-akhlak yang baik penting untuk dihasilkan agar masyarakat terutamanya golongan remaja dapat mengetahui kesan dan akibat apabila tindakan yang dilakukan.

BAB 5 KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bahagian kesimpulan dan merupakan bahagian yang terakhir dalam kajian ini. Di dalam bahagian kesimpulan ini pengkaji akan melakukan rangkuman dan merumuskan keseluruhan kajian secara jelas serta ringkas terhadap kajian yang telah dianalisis dan dibincangkan sebelumnya. Pengkaji akan menceritakan kembali mengenai bab empat iaitu analisis kajian dan membuat rumusan yang merangkumi pemahaman pendidikan akhlak, fungsi filem dan Teori Psikologi Behaviourisme yang menentukan akhlak masyarakat. Selain itu, dalam bahagian penutup ini juga pengkaji akan mengemukakan dan memberikan pendapat atau cadangan kajian agar kajian yang dilakukan dapat memberi manfaat kepada orang ramai serta dapat membaiki masalah serta mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan sejak awal agar dapat menjana fikiran pengkaji dan masyarakat ke arah yang lebih kritis sekaligus membuka mata mereka terhadap pendidikan akhlak dan fungsi filem dalam memberi pengajaran, didikan dan contoh teladan serta mengenai Teori Psikologi Behaviourisme yang mana mampu mempengaruhi tingkah laku masyarakat. Akhir sekali, pengkaji akan membuat penutup secara ringkas mengenai bab ini.

5.1 Kesimpulan Kajian

Berdasarkan hasil kajian dan penyelidikan yang telah dilakukan, pengkaji dapat merumuskan bahawa kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah sangat besar dan meluas. Hal ini kerana, konsep pendidikan akhlak dan fungsi filem itu juga mempunyai kepelbagaian berdasarkan teknik dan cara seseorang itu mengenalpasti dan menganalisis sesuatu filem itu sendiri. Pengkaji memilih filem bisik pada langit kerana merasakan bahawa filem tersebut mempunyai konsep pendidikan akhlak yang baik dan mampu untuk memberikan kesedaran dan iktibar kepada masyarakat untuk terus menyokong filem-filem tempatan berbanding filem antarabangsa yang mana mempunyai unsur-unsur atau elemen-elemen yang mana tidak digalakkan untuk ditonton dan diperlihatkan kepada masyarakat terutamanya golongan muda yang mudah untuk terpedaya dengan sesuatu perkara yang dilihat dan mengikutinya perkara tersebut tanpa melakukan soal selidik terlebih dahulu.

Seperti yang telah diketahui filem merupakan antara medium yang mudah untuk didapati pada zaman teknologi ini sehingga mampu untuk mempengaruhi tingkah laku dan meninggalkan pelbagai kesan kepada masyarakat sama ada kesan positif mahupun negatif. Hal ini kerana, menurut (Garbner, 1970) teknologi canggih membolehkan sesuatu perkara tersebut mudah tersebar secara meluas dan mempengaruhi persekitaran baharu dalam masyarakat. Setelah melakukan analisis pengkaji mendapati bahawa filem adalah antara karya sastera yang telah menggunakan teknologi dan mampu untuk mempengaruhi mereka yang menonton menerusi jalan penceritaan dan watak perwatakan yang terdapat dalam sesebuah karya yang difilemkan. Filem yang memaparkan dan menyampaikan mesej tentang perkara yang baik amat

diperlukan agar masyarakat juga akan menjadi manusia yang baik dan berakhlak dalam bertindak melakukan sesuatu perkara kerana berada pada persekitaran yang positif.

Seterusnya, teori psikologi behaviourisme daripada B.F Skinner telah digunakan dalam kajian untuk memastikan mengenai penentuan tingkah laku seseorang dan hasil penyelidikan mendapati bahawa tingkah laku seseorang boleh dipengaruhi berdasarkan pemerhatian, persekitaran, lingkungan, rangsangan dan tindakan balas akan berlaku daripada sesuatu tindakan yang dilakukan. Hal ini kerana, seseorang individu itu merupakan organisma yang memperoleh repertoire iaitu drama dan cerita yang dipersembahkan melalui pembelajaran. Filem yang ditonton mampu untuk mempengaruhi tingkah laku masyarakat dalam mendidik akhlak mereka menjadi lebih baik apabila menonton karya filem yang berunsur moral dan mempunyai elemen keagamaan.

Oleh itu, jelaslah bahawa filem-filem yang membawa kepada aspek-aspek kebaikan dan akhlak yang baik amat diperlukan dalam mendidik akhlak masyarakat terutamanya golongan muda daripada terpesong daripada perkara yang negatif kesan daripada menyaksikan filem-filem yang berunsur percintaan dan filem antarabangsa yang akan merosakkan pemikiran dan tingkah laku mereka. Melalui kajian ini pengkaji berharap agar kajian ini mampu dijadikan sebagai rujukan dan medium bagi memastikan bahawa filem-filem yang dihasilkan mampu untuk meninggalkan kesan-kesan positif dalam memperbaiki akhlak masyarakat menjadi lebih baik dan berakhlak mulia.

5.2 Cadangan

Setelah melakukan kajian dan penyelidikan, pengkaji mempunyai beberapa cadangan dan pendapat yang boleh diambil dan dilaksanakan oleh beberapa pihak agar dapat menambah baik akhlak masyarakat dengan penggunaan media massa iaitu filem serta memperkenalkan mengenai Teori Psikologi Behaviourisme. Cadangan penting bagi membolehkan sesuatu perkara yang diusulkan mampu untuk diambil dan dijadikan maklumat untuk melaksanakan penambahbaikan yang lebih berkualiti dari sebelumnya. Malah, perkara yang paling utama adalah dapat memperkenalkan Teori Psikologi Behaviourisme kepada masyarakat yang terdiri daripada latar belakang dan kedudukan kerana teori ini merupakan teori yang jarang dipelajari serta digunakan oleh golongan pendidik mahupun pelajar sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Antara cadangannya ialah pengkaji-pengkaji akan datang akan dapat menganalisis dan mengkaji berkaitan dengan teori psikologi behaviourisme oleh B.F.Skinner. Hal ini kerana, kajian mengenai teori ini sangat jarang digunakan oleh pengkaji-pengkaji di Malaysia walhal teori ini sangat menarik dan sesuai digunakan apabila mengkaji berkaitan dengan tingkah laku masyarakat. Sehubungan dengan itu, pengkaji mencadangkan agar kajian mengenai teori psikologi behaviourisme ini dapat dijalankan dan diteruskan oleh pengkaji-pengkaji akan datang agar kajian tersebut dapat berkembang luas dan dimajukan untuk menambah pengetahuan masyarakat tentang teori ini.

Cadangan seterusnya ialah pihak penerbitan filem perlu untuk menghasilkan filem-filem yang mampu untuk mendidik masyarakat dengan

akhlak-akhlak yang baik dan menarik untuk ditonton oleh semua lapisan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, filem yang menghasilkan atau menunjukkan akhlak yang baik kurang dihasilkan dan tidak mampu untuk menonjol berbanding filem-filem yang mengisahkan mengenai percintaan, sejarah dan aksi yang mana mampu untuk mempengaruhi tingkah laku masyarakat disebabkan pelakon yang terdapat di filem tersebut. Sehubungan dengan itu, pengkaji mencadangkan agar pihak penerbitan menggunakan pelakon yang mempunyai pengaruh yang ramai dalam menyampaikan maklumat mengenai akhlak-akhlak yang baik kepada masyarakat kerana masyarakat akan mengikut apa yang dilakukan oleh pelakon yang diminati dalam bertindak melakukan sesuatu perkara yang baik.

Oleh itu, pengkaji berharap agar cadangan yang diberikan mendapat perhatian serta pertimbangan daripada pihak yang berkaitan. Pengkaji juga berharap cadangan yang dikemukakan mampu untuk memberikan kefahaman tentang konsep pendidikan akhlak yang baik sekaligus menggunakan media seperti filem untuk memberikan pengajaran, mendidik dan dijadikan contoh teladan kepada masyarakat sekaligus dapat mengangkat teori psikologi behaviourisme yang mana mampu untuk dijadikan sebagai teori yang mempengaruhi tingkah laku masyarakat dalam bertindak melakukan sesuatu perkara.

5.3 Penutup

Kesimpulannya, penyelidik dapat mengetahui bahawa setiap kajian yang dilaksanakan oleh setiap penyelidik tidak mengira latar belakang dan konteks penyelidikan yang dilakukan mampu untuk menambah ilmu yang mana sangat bernilai dan berharga terhadap kehidupan masyarakat dan diri penyelidik itu sendiri. Hal ini kerana, nilai berharga tersebut terletak pada kajian dan penyelidikan yang dihasilkan mampu untuk dikongsi kepada masyarakat dan orang ramai serta memberi input atau maklumat kepada mereka tentang kepentingan dan manfaat dalam melaksanakan sesuatu perkara. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa penyelidikan yang dilakukan bukan sahaja dapat memberi maklumat kepada penyelidik tetapi kepada masyarakat juga berkaitan sesuatu konteks penyelidikan yang dilakukan. Melalui kajian yang dilaksanakan ini pengkaji berharap agar masyarakat dapat mengetahui serba sedikit mengenai bidang sastera yang mana sangat menarik untuk dipelajari kerana meliputi akhlak masyarakat yang perlu ada dalam diri setiap individu agar tidak rosak disebabkan pengaruh kepada filem antarabangsa. Akhir sekali, pengkaji mengharapkan agar kajian berkaitan pendidikan akhlak, fungsi filem dan Teori Psikologi Behaviourisme oleh Burrhus Frederic Skinner ini mendapat perhatian pengkaji baru agar penyebarannya dapat diperluaskan lagi.

Sumber Rujukan

Jurnal

- Ahmad, N. (1995). "Filem sebagai alat dan bahan kajian". Selangor: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.
- Ahmad, D. (2011) . "Menerapkan nilai Agama dan keprihatinan umat dalam filem dan drama" dlm. Nor Hartini Saari(e.d), *Pemeriksaan televisyen dalam mendidik masyarakat* (hlm. 69-80).
- Ajmain, T., Safar, J., Muhammad, A., Hassan, W., & Embong, W. (2014). *Kajian: Pendidikan Akhlak dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia Sebagai Asas Kecemerlangan Pencapaian Sains dan Teknologi*
- Anas, A. (2015). *Psikologi Sastra*. Surabaya: Unesa University Press
- Ang, K. H. (2016). Nota Revisi Mengenai penyelidikan dan kajian kes: Satu tinjauan literatur. *Geografia*, 12(10).
- Azmi. (2017, October 12). *Bisik Pada Langit*. Harakahdaily.
- Ayub, M. S., Ramlan, A. F., Abdul Razak, A. Q., Suyurno, S. S., & Ahmad Ubaidah, A. F. (2017). *Unsur-unsur takmilah dalam filem Islam*.
- Ahmad Hilmi, A. B., Ismail, M. H., Mohamad, M., & Zakaria, Z. (2018). *Pengakhiran Dunia Menurut Kefahaman Barat: Kajian Berdasarkan Filem Terminator Salvation*. *Jurnal Sains Insani*.
- Bungalele, M. S. (2019). *Kesetiaan Rut*.
- Bahari, L. P. J. (2022). Analisis Teori Psikologi Serta Implementasinya Terhadap Kehidupan Sosial Remaja. *Jurnal Pendidikan Sosiologi Dan Humaniora*, 13(2), 614.
- Cahyani, L. I., & Hidayat, M. T. (2023). Tinjauan Pustaka Sistematis: Program Kantin Kejujuran untuk Meningkatkan Karakter Jujur di Sekolah Dasar. *Jurnal Pemikiran dan Pengembangan Sekolah Dasar (JP2SD)*, 11(1).
- Don, A.G. (2008). *Dakwah dan Cabaran de-Islamisasi di Malaysia*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Dawam, Z. A. M., Achin, I. A., Sareya, R., Bianus, A. B., & Hisham, M. F. (2022). Historiografi Filem Melayu Dalam Konteks Transformasi Sosial Dan Sosiobudaya Masyarakat Malaysia: *Historiography Of Malay Film In The Context Of Social And Sociocultural Transformation Of Malaysian Society*. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 12(1), 23-48.

- Firmansyah, R. A., & Wrastari, A. T. (2014). Pengaruh penggunaan film sebagai media belajar terhadap pencapaian higher order thinking skill pada mahasiswa fakultas psikologi UNAIR. *Jurnal Psikologi Klinis dan Kesehatan Mental*, 3(1), 40-47.
- Fauzi, F. N., Salleh, S. F., Daud, N., & Nordin, T. M. N. (2022). Batasan pergaulan di alam maya menurut perspektif islam. *tamaddun*, 22(2), 164-176.
- Harbord, J. (2002). *Film Cultures*. London : SAGE Publicationc Ltd
- Ismail Abdullah (2009), *Seni Budaya Media dan Konflik Jati Diri*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm.24
- Justitia, S. (2021). *Adab Menjaga Pergaulan Dalam Islam*. Blurb Incorporated.
- Muslim, N. (2014). *Islam dan Melayu dalam pelebagaan: tiang seri hubungan etnik di Malaysia*. Penerbit UKM,.
- Mini, R. (2011). *Disiplin pada anak*.
- Mahadi, M. (2019). *Menelusuri Pengajian Melayu: Siri Ilmiah APM-ITBM*. In Google Books. Malaysian Institute of Translation & Books.
- Mahbubah, Y. (2020). *Penafsiran ayat-ayat Iffah: Menjaga kehormatan diri menurut Haji Malik Karim Amrullah dalam tafsir Al-Azhar (Doctoral dissertation, UIN Sunan Gunung Djati Bandung)*.
- Makmur, M. (2020). Peran Orang Tua dalam Membina Ibadah Dan Akhlak Anak. *Jurnal Literasiologi*, 4(1).
- Mohd Amin, S. F., Sharif, S., Madjapuni, M. N., & Mariappan, M. (2020). Implementation Of Skinner’S Operation Operating Theory In The Building Of The M-Solah Robot Module. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5(35), 38–48.
- Mannassai, A. F., & Pratiwi, W. (2021). Pengaruh Media Film Animasi Nussa dan Rara Terhadap Perkembangan Kecerdasan Spiritual Anak Kelas A1 PPAUD IT Lukmanul Hakim Limboto. *Early Childhood Islamic Education Journal*, 2(1), 1-15.
- Mardiyani, K. (2022). Tujuan dan penerapan teori behaviorisme dalam pembelajaran. *Jurnal Ilmu Pendidikan Dan Kearifan Lokal*, 2(5), 260–271.
- Naim Haji Ahmad (2010), “Ke Arah Membentuk Definisi dan Konsep Filem Islam”, (Kertas Persidangan Bengkel Fiqh Penyiaran di Institut Latihan Islam Malaysia, 6 Jun 2010), Hlm. 1-2.

- Opir, H., Yusof, M., Abdullah, L., Siren, N., Md Yusoff, Y., & Abdullah, W. Y. (2017). Pembinaan kriteria filem patuh Syariah di Malaysia. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. Penyelidikan, A. Penyelidikan Kualitatif Dalam Sains Sosial.
- Rifai, A. (2018). Pendidikan karakter dan pendidikan akhlak. *Al Qalam: Jurnal Ilmiah Keagamaan dan Kemasyarakatan*.
- Ridwani, A. A. (2019). Implikasi dan implementasi teori behaviorisme menurut burrus frederic skinner dalam pembelajaran pendidikan agama islam. *Institiut Agama Islam Negeri (IAIN)*, 116.
- Sarji, A., Ibrahim, F. & Buyung, M. (1996). Pola pengamalan profesionalisme dalam industri filem Malaysia. *Ulu Kelang, FINAS*.
- Saleh, M. N. (2019). *Seronoknya Pengajian Tinggi Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh* (Penerbit USM). Penerbit USM.
- Saputro, D. B., Hidayati, A., & Maulana, M. A. (2020). Peran Layanan Bimbingan Kelompok Teknik Modeling terhadap Sikap Sopan Santun. *Jurnal Advice*, 2(2), 132-145.
- Sa'adah, N. A., Udin, T., & Jaelani, A. (2022). Analisis Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak dalam Film Serial Animasi Riko the Series dan Relevansinya Terhadap Materi Pelajaran Akidah Akhlak Di MI. *Jurnal Lensa Pendas*, 7(1), 15-25.
- Wahab, A. J & Ahmad, M. (2009). "Filem box office dan ideologi: Satu Kajian terhadap filem-filem terpilih di Malaysia". *Wacana Seni*. 8:43-68
- Yahaya, A., & Idris, F. *TEORI PSIKOLOGI*.
- Yunita, Y. (2023). *Pendidikan Akhlak Bagi Mahasiswa*. Penerbit P4I.
- Zamroni, A. (2017). Strategi Pendidikan Akhlak Pada Anak. *Sawwa: Jurnal Studi Gender*, 12(2), 241-264. <https://doi.org/10.21580/sa.v12i2.1544>
- Zainal, K. (2008). Memahami tingkah laku remaja bermasalah dari Perspektif Teori Tingkah Laku, Humanistik, Psikoanalitik & Tret Personaliti. *Jurnal Pengajian Umum*, 9, 43–56.

Internet

- Apa Itu Kaedah Kualitatif Dan Kaedah Kuantitatif? | At20503. (n.d.). Wakelet. Retrieved Jun 25, 2023, from <https://wakelet.com/wake/fE4DMBm29Ftt3CjQPIrWs>
- Ayub, M. S. (2013). Filem Ketika Cinta Bertasbih mengikut perspektif hukum Islam (Doctoral dissertation, University of Malaya). Retrieved Jun 27, 2023 from http://studentsrepo.um.edu.my/5083/2/BAB_1.pdf
- Abdullah, S., & Hamid, R. (2018). Gelagat Perkahwinan Melayu Islam Menerusi Filem P. Ramlee (UUM Press). In Google Books. UUM Press. Retrieved January 8, 2024, from https://www.google.com.my/books/edition/Gelagat_Perkahwinan_Melayu_Islam_Menerusi/kSoTEAAAQBAJ?hl=en&gbpv=1&dq=fungsi+filem&pg=PP&printsec=frontcover
- B.F. Teori Skinner of Behaviorism dan Conditioning Operant / Gangguan mental / Psikopatologi. (n.d.). Thpanorama - Buat Diri Anda Lebih Baik Hari Ini! . Retrieved Jun 25, 2023, from <https://ms.thpanorama.com/articles/trastornosmentalespsicopatologa/b-f-skinner-teora-del-conductismo-y-condicionamiento-operante.html>
- Contributors to Wikimedia projects. (2023). Sofia J. Rhyland. Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas. Retrieved Jun 15, 2023, from https://ms.wikipedia.org/wiki/Sofia_J._Rhyland
- Filem Bisik Pada Langit. (2017). Retrieved November 2, 2023 from <https://www.dailymotion.com/video/x8hnx1q>
- Hassan, F., & Yusoff, S. H. (2019). Membangunkan Tema Filem Berunsur Islam Melalui Filem Bisik Pada Langit. AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities. Retrieved Jun 12, 2023, from <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/5190/1/MEMBAN~1.PDF>
- Hasan, N. (2019). Elemen-Elemen Psikologi Islami Dalam Pembentukan Akhlak. *Spiritualita*, 3(1), 105–124. Retrieved Jun 16, 2023, from <https://doi.org/10.30762/spr.v3i1.1516>
- Hasan, M. (n.d.). behaviorisme. Retrieved Jun 16, 2023 from <https://www.academia.edu/11466276/behaviorisme>
- Hamid, R. A. (2015). Kearifan Tempatan: Pandainya Melayu Dalam Karya Sastera (Penerbit USM). In Google Books. Penerbit USM. Retrieved Disember 14, 2023, from https://www.google.com.my/books/edition/Kearifan_Tempatan_Pandainya_Melayu_Dalam/EReWCwAAQBAJ?hl=en&gbpv=1&dq=fungsi+filem&pg=PT127&printsec=frontcover

- Leod, Mc. (2015). Skinner - Operant conditioning. Retrieved June 16, 2023, from https://www.academia.edu/23759303/Skinner_-_Operant_Conditioning
- MPd, D. H. B. U. (2023). Orientasi Baru Dalam Psikologi Pembelajaran. In Google Books. Bumi Aksara. Retrieved Desember 13, 2023, from https://www.google.com.my/books/edition/Orientasi_Baru_Dalam_Psikologi_Pembelaja/MGoEAAAQBAJ?hl=en&gbpv=1&dq=teori+psikologi+behaviorisme+skinner&pg=PA19&printsec=frontcover
- Teori B. F. Skinner dan behaviorisme - yes, therapy helps! (n.d.). Yes, Therapy Helps!. Retrieved Desember 13, 2023 from <https://ms.yestherapyhelps.com/the-theory-of-b-f-skinner-and-behaviorism-11648>
- Teori B. F. Skinner dan behaviorisme / Psikologi. (n.d.). Psikologi, Falsafah Dan Pemikiran Tentang Kehidupan. Retrieved Desember 13, 2023, from <https://ms.sainte-anastasic.org/articles/psicologa/la-teora-de-b-f-skinner-y-el-conductismo.html>
- The Journal of Universitas Negeri Surabaya. (n.d.). Ejournal.unesa.ac.id. Retrieved December 24, 2023, from <https://ejournal.unesa.ac.id/index.php/bapala/article/view/40216>
- Wikipedia contributors. (2022, September 7). Bisik Pada Langit. Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas. Retrieved Jun 14, 2023 from https://ms.wikipedia.org/wiki/Bisik_Pada_Langit